

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 173 ● 15 - 21 JULAI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Nasyrul Quran hubungkan manusia dengan kitab suci >> 9, 10 & 11



Lanjutan WBB langkah terbaik buat peniaga >> 15



Crackhouse tiada lesen hiburan >> 4



Haliza sumbang 50 tablet percuma demikian masa hadapan pelajar B40 >> 8

Program kurangkan kos sara hidup warga kota

Lori MyGrocer@Wilayah di 61 PPR

KADAR inflasi atau kenaikan harga barang di negara ini disebabkan beberapa faktor termasuklah gangguan rantaian bekalan global yang berpanjangan.

Ketegangan geopolitik di peringkat global serta dasar penutupan pintu sempadan yang dilaksanakan negara China serta sekatan import barang keperluan harian oleh negara sumber pada ketika ini memburukkan lagi masalah itu.

Impak daripada peningkatan kadar inflasi yang berlaku menjadi faktor pendorong kenaikan kos sara hidup terutama di Wilayah Persekutuan sehingga

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memperkasakan program MyGrocer@Wilayah bagi membantu golongan B40 yang menetap di 61 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Kuala Lumpur serta penduduk di Labuan.

Projek khas itu dilaksanakan selama enam bulan dengan melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.48 juta bertujuan menstabilkan harga barang sekali gus membantu rakyat untuk menikmati harga barang keperluan yang lebih rendah.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Pembaca boleh imbas kod QR untuk tonton video berkaitan



'Bila duduk dengan menteri, boleh tahu susah senang jadi menteri' - PM

PROGRAM Felo Perdana memberi peluang kepada peserta belia untuk memahami selok-belok pentadbiran negara selain tanggungjawab berat yang dipikul oleh menteri, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**.

Beliau berkata sebelum menyertai Program Felo Perdana itu, ada antara mereka yang mempunyai pelbagai persepsi terhadap orang politik dan menteri.

"Bila duduk dengan menteri, boleh tahu susah senang jadi menteri. Bagaimana menteri menyelesaikan masalah, ada yang duduk di pejabat sampai 12 tengah malam tak balik lagi pun ada, kerja tujuh hari seminggu, 24 jam sehari."

"Pendedahan ini bagus supaya dalam kalangan pelajar mengetahui apa sebenarnya yang dilakukan 'bapa-bapa' menteri, yang selama ini menganggap menteri duduk di pejabat besar, pandu kereta mewah, tetapi tunggulah bila berada bersama menteri nanti kita boleh tahu keadaannya," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Program Felo Perdana dan Felo Korporat 2022 pada Rabu.

Seramai 82 peserta Felo Perdana dan 28 orang Felo Korporat menyertai program ta-



PERDANA MENTERI, DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB (duduk tengah) bergambar bersama peserta Felo Perdana 2022.

hun ini untuk penempatan di pelbagai kementerian dan syarikat korporat yang mengambil bahagian antaranya Bank Islam Malaysia Bhd dan CIMB Bank Bhd.

Ismail Sabri turut meminta para menteri untuk memberikan sebanyak mungkin pendedahan kepada peserta Felo Perdana mengenai pengurusan kementerian, tugas di Parlimen dan kerja-kerja politik.

"Dedahkan sebanyak yang

boleh supaya mereka dapat pelajari sepenuhnya apa yang kita buat selama ini supaya ia boleh dijadikan pengalaman," katanya sambil menambah pendedahan tentang senario politik dan tugas sebagai ahli politik antara perkara yang tidak dapat dipelajari di universiti.

Perdana Menteri dalam pada itu menasihatkan peserta felo usah menunggu arahan sebaliknya mengambil inisiatif sendiri untuk



DATUK SERI DR SHAHIDAN KASSIM (tengah) bersama dua daripada tiga Felo Perdana yang terpilih untuk bersama Kementerian Wilayah Persekutuan.

menimba pengalaman selama berada di kementerian.

"Kalau felo dijemput hadir (ke mesyuarat pasca-Kabinet), felo boleh tahu tentang isu berkaitan dengan kementerian dan bagaimana dasar kementerian dibuat. Pengalaman ini amat berguna," katanya.

Ismail Sabri percaya selepas tamat program, ramai peserta felo akan mendapat tawaran pekerjaan.

"Saya doakan program ini ber-

jaya dan felo semua akan berjaya bukan saja sebagai felo tetapi selepas tamat tempoh Program Felo Perdana," katanya.

Sejak pelaksanaan Program Felo Perdana pada 2013 dan Felo Korporat pada 2019, seramai 753 anak muda telah menyertainya.

Bagi yang terpilih tahun ini, mereka akan ditempatkan bersama mentor masing-masing bermula 13 Julai sehingga 31 Dis 2022. - **BERNAMA**

Harga ayam, telur lebih rendah di PPR/PA KL

DARI MUKA DEPAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menganjurkan program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah bermula Khamis lalu sebagai usaha untuk meringankan beban warga Wilayah Persekutuan susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata pada peringkat permulaan, Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah ini memfokuskan kepada jualan barang sumber protein utama bersubsidi iaitu ayam dan telur agar rakyat dapat berbelanja pada harga lebih rendah daripada harga siling yang ditetapkan kerajaan.

"Setiap isi rumah akan dapat menikmati pembelian seekor ayam dengan kadar subsidi sebanyak RM3 seekor serta dapat berjimat sebanyak RM0.50 sen apabila membeli 10 biji telur ayam Gred B.

"Melalui program ini, setiap isi rumah dapat menjimatkan kos perbelanjaan barang dapur sehingga 14.29 peratus bagi setiap pembelian satu ekor ayam dan 10 biji telur," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Shahidan, program yang mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) ini akan dilaksanakan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Di Kuala Lumpur, jualan ini masih berkonsepkan MyGrocer@Wilayah iaitu



HARGA barang yang ditawarkan di MyGrocer@Wilayah lebih murah memberikan peluang kepada golongan berpendapatan rendah menikmati makanan berkhasiat.

penjualan barang keperluan asas dan barang makanan kering secara terus daripada pembekal ke kawasan perumahan penduduk.

"Di Labuan, Program Jualan Rakyat ini akan dilaksanakan melalui peruncit yang telah dikenal pasti oleh Perbadanan Labuan (PL) agar rakyat boleh menikmati jualan barang dengan harga yang lebih rendah dan akan dilaksanakan selama enam bulan dengan melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.48 juta," katanya.

Tambahnya dianggarkan seramai 147,000 penduduk di 59 buah PPR dan PA di Kuala Lumpur serta 19,000 pen-

duduk dari kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat menerusi Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah ini.

Dalam pada itu, Shahidan berkata Kerajaan serta KWP komited mencari pelbagai kaedah untuk meringankan beban ekonomi Keluarga Malaysia dan mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat secara umumnya dan orang ramai diseru untuk merebut peluang keemasan bermula pada 14 Julai 2022 (Khamis) jam 4.00 petang hingga 6.00 petang mengikut jadual Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah dan Kick off jualan akan bermula pada Khamis, 14 Julai di PA Sri Johor, Kuala Lumpur. **WK**

Reaksi



“BAGI saya program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah ini satu inisiatif yang baik. Jika hendak dibandingkan dengan harga barang di luar, memang jauh bezza lebih dari dua atau tiga kali ganda bergantung kepada jenis barang.

Memang ada penjimatian yang ketara dan biasanya saya memang tidak membeli seperti udang dan sotong kerana harganya tinggi. Dengan MyGrocer@Wilayah, saya mampu membeli kerana harga yang dijual agak berpatutan dan berpeluang memasak yang istimewa untuk keluarga."

Sharolnizal Harun, 42,
Kerani pejabat



“SEBELUM wujud MyGrocer@Wilayah, saya selalu berbelanja di Pasar Besar Lotus's kerana harganya agak murah sedikit berbanding pasar mini atau kenderaan yang menjual barang makanan. Apabila Kementerian Wilayah Persekutuan mewujudkan program ini, saya sangat bersyukur kerana perbelanjaan mingguan ada sedikit penjimatian kerana kebiasaannya saya akan belanja RM130 hingga RM150 seminggu. Sejak MyGrocer@Wilayah diperkenalkan, perbelanjaan mingguan yang dicatatkan adalah sekitar RM110 hingga RM120 sahaja.

Harga yang ditawarkan seperti ikan, ayam, sayur-sayuran, daging dan makanan laut juga murah sedikit berbanding di tempat lain, jadi ia memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah seperti saya menikmati makanan laut yang kita sediakan harganya agak mahal ketika ini."

Roslinawati Mohamad, 56,
Suri rumah

Bashir Alias dilantik Pengerusi PL

AHLI Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias dilantik Pengerusi Perbadanan Labuan (PL) yang baharu untuk tempoh dua tahun mulai 1 Julai 2022.

Pelantikan tersebut bagi menggantikan Datuk Seri Amir Hussien yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 30 Jun lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata Bashir yang sebelum ini merupakan Pengerusi Majlis Penasihat PL mempunyai pengalaman yang luas di Wilayah Persekutuan Labuan dan telah dilantik memegang beberapa jawatan penting dalam agensi kerajaan.

"Pelantikan tersebut berdasarkan perkhidmatan beliau dalam

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majlis Penasihat PL.

"Pelantikan tersebut adalah selaras dengan perenggan 5(1)(a) Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609]," katanya dalam sidang media di Kementerian Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar.

Turut hadir Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Datuk Muhammad Yasir Yahya dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPR Fadlun Mak Ujud.



SHAHIDAN (tengah) menyampaikan watikah pelantikan kepada Bashir pada sidang media di Kementerian Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Shahidan turut mengumumkan pelantikan Amir sebagai Pengerusi Majlis Penasihat PL yang baharu

menggantikan Bashir adalah selaras dengan perenggan 6(1)(a) Akta Perbadanan Labuan 2001

[Akta 609].

"Datuk Seri Amir Hussien mempunyai pengalaman yang luas di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak Tempatan Labuan serta pernah menjadi Ahli dalam Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Labuan, selain beliau juga pernah menjadi Pengerusi PL.

"Saya percaya dengan pengalaman luas serta daya kepimpinan beliau, Majlis Penasihat PL akan mempunyai sistem sokongan yang kukuh serta mampu memberikan nasihat kepada dalam usaha memastikan ia terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sebagai sebuah kerajaan tempatan," katanya. WK

Ikrar mahu kurangkan birokrasi - Bashir

PENGERUSI Perbadanan Labuan (PL) yang baharu dilantik **Senator Datuk Bashir Alias** berikrar untuk mengurangkan birokrasi yang masih wujud dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Birokrasi adalah isu yang sering diperkatakan oleh orang ramai yang kerap melakukan transaksi dengan LC. Memandangkan kita berada dalam era teknologi canggih, kita mesti menghapuskan birokrasi

dan memudahkan urusan rakyat secepat mungkin," katanya.

Bashir ialah Pengerusi Majlis Penasihat PL sebelum pelantikannya sebagai Pengerusi PL untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Julai 2022.

Bashir berkata isu lain yang perlu ditangani termasuk dasar, sewa dan cukai.

"Rakyat mengadu mereka terjes dari segi kewangan dengan kadar taksiran baharu, cukai pintu, sewa kiosk bulanan di

bangunan UTC Pasar Sentral.

"Kami akan melakukan yang terbaik untuk menangani isu-isu ini dan mengadakan penyelesaian menyeluruh kepada rakyat," katanya.

PBT harus berfungsi sebagai pemudah cara kepada pengguna dan komuniti, katanya dan menambah bahawa birokrasi sifar dalam PBT akan menarik pelabur dan komuniti perniagaan untuk menjalankan perniagaan di pulau bebas cukai ini. WK



BASHIR (kiri) menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Wilayah Persekutuan Labuan, Mohd Hafiez Mohd Daud di pejabatnya pada Selasa.

25 peratus paip air di Labuan usang

SEKURANG-KURANGNYA 150 kilometer (km) panjang atau 25 peratus daripada 596 km paip agihan air di pulau bebas cukai ini berusia 30 hingga 40 tahun dan diklasifikasikan sebagai usang, kata Ketua Bahagian Bekalan Air Labuan (BBAL), **Trinil Indah Puspita**.

Beliau berkata beberapa projek pembinaan, naik taraf dan penggantian paip agihan yang sudah usang masih berjalan dan dijangka siap pada 2024.

"Satu daripada projek yang sedang berjalan adalah Air Tak Berhasil (NRW) Kebangsaan (Program Pengurangan Air Tidak Berhasil Pendekatan 1 Bagi Labuan) melibatkan peruntukan RM9.3 juta.

"Projek itu bermula pada April tahun ini dan dijangka siap pada April 2024 skop kerja termasuk penggantian paip, pengurusan tekanan air dan pencarian kebocoran paip," katanya dalam taklimat kepada Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli di pejabat BBAL baru-baru ini.

Trinil juga mendedahkan kerajaan telah meluluskan laporan projek melibatkan peruntukan sebanyak RM395 juta sejak 2010.

"Daripada projek itu, beberapa projek masih berjalan dan ada yang tertangguh disebabkan keadaan tertentu seperti kerja penggantian paip bawah tanah yang



PENGGANTIAN paip usang dijangka siap 2024.

terhalang oleh tangki septik," katanya.

Rozman berharap kerajaan Persekutuan akan terus memberi perhatian terhadap krisis air yang berlarutan di pulau bebas cukai tersebut.

"Paip agihan usang sepanjang 150 km ini mesti diganti secepat mungkin kerana penduduk di pulau ini tidak lagi dapat berdepan dengan masalah gangguan air yang berlaku setiap minggu.

"Kami telah diberi taklimat kekurangan dana menyebabkan kerja penggantian paip tertangguh, dan kami berharap Kementerian Alam Sekitar dan Air agar menyelami kesusahan rakyat di pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Malaysia ini," katanya. WK



TAWARAN BIASISWA MAIWP INSENTIF KHAS PELAJAR CEMERLANG LUAR NEGARA

(Mesir / Jordan / Morocco)

PENGAMBILAN SESI 2022/2023

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 Julai 2022 (Ahad)

Syarat Umum

Warganegara Malaysia beragama Islam.

Bermastautin dan masih menetap di Wilayah Persekutuan tidak kurang daripada 1 tahun.

Tidak mendapat sebarang tajaan atau biasiswa daripada mana-mana pihak.

Tertakluk kepada pengiraan Had Kifayah dan syarat tawaran biasiswa MAIWP.

- Biasiswa Sains Muat Pengajian Pintar
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Penggiat
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Terus
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Bahasa Arab Universiti Darul Ulumah Syiah Kuala
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Islam Nusantara
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Diari
- Biasiswa/Pelantikan Pengajian Islam (Universiti di Jordan)
- Biasiswa Sains Muat Pengajian Islam (Universiti di Morocco)

PERMOHONAN & SYARAT KHUSUS boleh dimuat turun melalui laman web www.maiwp.gov.my ATAU boleh didapat di pejabat MAIWP di alamat berikut :

- Kaunter Agihan Aras 1, Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.
- Semua Kaunter Pusat Agihan Zakat (PAZA)
- Kaunter MAIWP Cawangan WP Putrajaya
- Kaunter MAIWP Cawangan WP Labuan

Sebarang pertanyaan:

03-4047 7600 SAMB. 7410/7411/7412/7413/7632

Crackhouse tiada lesen hiburan

SIASATAN pihak berkuasa ke atas video tular seorang perempuan Melayu melakukan persembahan lawak berdiri menghina Islam di sebuah kelab komedi di Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur mendedahkan kelab tersebut beroperasi tanpa lesen hiburan.

Menurut Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Jalaluddin Alias**, kelab tersebut yang terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu hanya mempunyai lesen restoran.

Jelasnya premis berkenaan digantung operasi kerana tidak mempunyai lesen hiburan selaras dengan Seksyen 17, Akta Hiburan 1992.

"DBKL telah mengeluarkan notis kepada premis tersebut di bawah Seksyen 101(1)(V) Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Difahamkan premis tersebut telah beroperasi tanpa lesen sejak 2014 sehingga 2017 dan hanya mempunyai lesen perniagaan yang sah sejak tahun 2018 bagi operasi restoran dan minuman keras.

DBKL pada Ahad menggantung sementara lesen operasi kelab tersebut selepas seorang wanita menghina agama Islam semasa pertunjukan di dalam premis tersebut.

Jalaluddin berkata langkah tersebut merupakan mesej jelas bahawa kementeriannya dan DBKL tidak akan bertolak ansur dengan sebarang aktiviti yang menghina sensitiviti agama dan kaum serta kedaulatan negara.

"Isu itu turut mendapat kritikan daripada penduduk dan netizen yang merasakan video tular (persembahan wanita itu) bertujuan untuk menghina imej Islam."

"DBKL telah menjalankan siasatan ke atas premis itu dan penggantungan sementara itu berkuat kuasa serta-merta," katanya.

Jalaluddin berkata operasi penguatkuasaan dijalankan dari semasa ke semasa dan menyeru orang ramai untuk melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya melihat kejadian seumpama itu.



VIDEO tular menunjukkan seorang wanita secara tiba-tiba menanggalkan tudung ketika melakukan persembahan di sebuah kelab komedi.

Baru-baru ini tular video berdurasi 45 saat yang memaparkan seorang wanita yang dikenali sebagai Siti Amira Natasya memulakan persembahan dengan mendakwa menghafaz Al-Quran 15 juzuk bertindak menanggalkan tudung dan pakaian di dalam sebuah pertunjukan di Kelab Komedi Crackhouse.

Walau bagaimanapun, kelab itu telah membuat laporan polis terhadap wanita itu serta pasangannya juga dihalang mengunjungi kelab itu sejurus selepas persembahan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail dalam kenyataan berkata, Bahagian Penguatkuasaannya telah menjalankan siasatan berkenaan penularan video berkenaan di bawah Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah

(Wilayahn Persekutuan) 1997, Seksyen 7 yang boleh membawa kepada denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga difahamkan telah melakukan siasatan melalui Unit Siasatan Jenayah Terkelas, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman dan kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksian iaitu atas alasan agama yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau perrusuhan atau niat jahat memudaratkan keadaan harmoni.

Siasatan turut dibuat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. WK

CERTA KEDAI KOPI

Pertahan kesucian Islam

MACAM-MACAM hal tidak sopan dilakukan oleh segelintir kecil umat Islam di negara ini yang bukan sekadar menjatuhkan air muka sendiri tetapi turut menjelaskan nama baik dan kesucian agama Islam.

Baru-baru ini tular video seorang wanita Islam yang menghina dan mempersenda agama Islam dengan menanggalkan pakaian menutup aurat sehingga tinggal pakaian seksi di sebuah kelab di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

Dia mendakwa sudah hafal beberapa juzuk Al-Quran dan keluarganya sendiri adalah pengikut Islam yang taat. Jika benar, nyatakan iman tidak dapat diwarisi. Dakwahan kononnya hafal Al-Quran rupanya tidak dapat menjamin diri dekat dengan agama.

Kawan-kawan Kedai Kopi dimaklumkan, wanita berkenaan yang mendakwa sudah berkahwin tetapi mempunyai ramai teman lelaki, ditahan reman untuk siasatan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga menggantung operasi kelab berkenaan sehingga siasatan selesai.

Kita marah apabila ada pengikut agama lain mempersenda dan menghina Islam. Justeru perbuatan umat Islam sendiri mempersenda kesucian Islam adalah bagi diri dalam daging yang tidak seharusnya didiamkan dan dimaafkan.

Kerana itu wajar tindakan drastik

dambil agar peristiwa sedemikian tidak berulang. Pelakunya mesti menerima hukuman berat kerana sengaja mempersenda menjatuhkan martabat agama Islam yang tinggi.

Selama ini agama Islam di negara ini sudah beberapa kali dipersepsi dengan pelbagai isu, misalnya nabi palsu, tuhan langit serta pelbagai ajaran sesat. Ini tidak harus dibiarkan berterusan. Tindakan tegas mesti dikenakan kepada pelaku.

Pada masa sama tanamkan unsur mendidik agar mereka menyedari kesalahan yang dilakukan dan semoga mendapat petunjuk Allah. Jangan diulangi kesilapan lalu dan tidak berterusan mempermainkan kesucian agama Islam.

Kesucian dan keagungan agama Islam mesti dipelihara dan dipertahankan sepanjang masa. Umat Islam di negara ini mestilah sama-sama bertanggungjawab membanteras gejala songsang. Jangan sampai agama Islam diperlekeh oleh pengikut agama lain akibat perbuatan umat Islam sendiri.

Pihak berkuasa jangan takut bertindak, atau terpengaruh dengan komen daripada pihak lain yang mungkin tidak senang dengan tindakan diambil. Bukan tugas pihak berwajib memuaskan hati semua orang. Yang penting bertindak demi hak dan kebenaran.

'Hero luar sila undur'

'HERO' dari luar Kampung Baru atau sesiapa yang tidak ada hubung kait dengan kawasan penempatan Melayu itu diingatkan agar 'pergi jauh-jauh' dan tidak mencampuri urusan pengambilan

tanah di Kampung Sungai Baru dan Projek Pembangunan Semula Kampung Baru.

Ingatan yang diberi oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim tepat pada masanya untuk mengelakkan pihak tidak berkenaan menganggu gugat dan mempolitikkan usaha pembangunan yang sudah berdekad dirancang tetapi masih belum bermula sehingga kini.

Pada masa sama beliau menasihati penduduk yang masih tidak bersetuju dengan pelan pembangunan agar tidak terpengaruh dengan pihak-pihak yang semata-mata mengambil kesempatan daripada isu berkenaan dengan menampilkan diri sebagai hero.

Kawan-kawan Kedai Kopi setuju dengan ingatan Shahidan kerana sudah lama Kampung Baru ketinggalan berbanding kemajuan di sekeliling. Ketika persekitaran maju dengan pelbagai bangunan moden dan pencakar langit, Kampung Baru tidak banyak berubah.

Kerana itu pembangunan semula perlu segera dilaksanakan di penempatan tersebut agar setanding dengan suasana sekeliling. Masakan Kampung Baru hendak dibiarakan terus tersebut dalam pembangunan, dengan rumah-rumah lama yang uzur masih berdiri.

Sehingga ini majoriti penduduk bersetuju dengan pembangunan dirancang. Menurut Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB) hampir 90 peratus sudah bersetuju, terdiri daripada pemilik rumah flat dan teres. Rundingan dengan yang belum bersetuju masih diteruskan untuk mencapai situasi menang-menang.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my

Kerana itu pihak-pihak luar tidak seharusnya masuk campur dan mengeruhkan keadaan dengan cuba menghasut penduduk untuk menolak usaha kerajaan dan memperkecil usaha melaksanakan pembangunan dengan segera.

Perbuatan ini seolah-olah mahu menggambarkan kerajaan mempunyai maksud tersembunyi melaksanakan pembangunan, sedangkan kumpulan penghasut ini yang mempunyai agenda tersembunyi.

Harapan kawan-kawan Kedai Kopi ialah penduduk tidak mudah terpengaruhi dengan dakyah ini, sebaliknya bersatu hati dalam satu nada dan satu suara menerima limpahan pembangunan. Masihkah puas hati Menara Berkembar Petronas menjadi jiran sedangkan Kampung Baru sendiri ketinggalan.

Penduduk mestilah menyedari pembangunan yang bakal dilaksanakan adalah untuk kebaikan mereka sendiri dan kesejahteraan Kampung Baru. Selain mendapat pampasan, mereka juga bakal memiliki kediaman lebih selesa apabila projek siap nanti.

Jika pembangunan untuk kebaikan sudah berada di ambang pintu, terimalah dengan hati terbuka. Jika masih ada sedikit sebanyak masalah atau keraguan, bawa berunding. *Insya-Allah* jalan penyelesaian akan dicapai.

Pihak kerajaan sedia mendengar masalah penduduk dan pintu rundingan sentiasa terbuka. Ini sudah kerap dinyatakan oleh Shahidan. Buatlah keputusan terbaik dengan segera agar pembangunan Kampung Baru tidak terus tertangguh.



KELUARGA MALAYSIA

MY Medic@Wilayah



Jadual Perkhidmatan Bulan Julai 2022

		LOKASI 1	LOKASI 2	LOKASI 3
Minggu Pertama	Sabtu (2.7.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PPR SERI AMAN
	Ahad (3.7.2022)	PA SERI PULAU PINANG	PPR PUDU ULU	PA SERI SABAH 3B
Minggu Kedua	Sabtu (9.7.2022)		Hari Raya Aidiladha	
	Ahad (10.7.2022)			
Minggu Ketiga	Sabtu (16.7.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4AB	PA SERI TIOMAN
	Ahad (17.7.2022)	PPR PEKAN BATU	PPR SERI MALAYSIA	PPR DESA REJANG
Minggu Keempat	Sabtu (23.7.2022)	PPR SERI SERAWAK	PA SERI SABAH 3A	PPR PUDU ULU
	Ahad (24.7.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PA SERI TIOMAN
Minggu Kelima	Sabtu (30.7.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4C	PA WANGSA MAJU R10
	Ahad (31.7.2022)	PA PEKAN BATU	PPR DESA REJANG	PPR SERI AMAN

Nota: Waktu operasi bagi setiap lokasi adalah bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.00 t/hari

Mat rempit bukan teladan



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

KETIKA saya baru dua atau tiga tahun datang di Kuala Lumpur awal 1980-an belum lagi wujud istilah mat rempit. Yang ada ketika itu hanya mat motor merujuk anak muda yang suka motor terutama kapcai atau paling tinggi pun motor 150cc. Sekalipun begitu kegiatan lumba motor haram tidak menjadi fenomena.

Mat motor lebih pada bergaya dengan kapcai atau mengubahsuai supaya kelihatan menarik, terutama pada ekzos dan nombor plet. Entah di mana cantiknya tidak pula diketahui. Mungkin hanya jauhari yang mengenal manikam. Saya melihat tidak secantik mana pun.

Seingat saya kegiatan mat motor ketika itu lebih pada bersidai di depan pusat membeli-belah dan mempamerkan kapcai masing-masing. Lokasi paling popular adalah Kompleks Pertama dan Kota Raya. Itulah dua pusat membeli-belah paling hebat di Kuala Lumpur.

Zaman itu juga mereka yang setaraf dengan saya bergaji tidak sampai RM400 tidak mampu membeli kereta. Untuk bergerak ke sana dan ke sini serta dijadikan pengangkutan pergi ke tempat kerja, kapcai adalah pilihan utama. Biar basah kuyup asalkan tidak terbeban ansuran bulanan yang tinggi.

Saya sendiri menunggang kapcai Honda C70 untuk menjalankan tugas sebagai wartawan. Tetapi tidak pernahlah bersidai di pusat membeli-belah atau konvoi ke Bukit Belacan. Kapcai yang diantar dari kampung oleh arwah ayah hanya untuk memudahkan saya keluar membuat liputan.

Kewujudan fenomena mat motor dengan kapcainya tidak sama dengan mat rempit yang mula wujud sejak akhir 1990-an. Memang ada lumba haram tetapi setakat itu sahajalah. Tidak melarat kegiatanjenayah jalanan seperti samun atau pergaulan bebas lelaki dan wanita.

Tidak pernah mendengar ada lumba haram yang menawarkan budak bohsia sebagai hadiah. Malah bohsia itu sendiri hanya wujud ekoran bermulanya fenomena mat rempit.

Mula-mula dulu saya menunggang kapcai kerana tidak



mampu membeli kereta. Tetapi sudah mampu membeli kereta terpakai yang murah pun saya terus menunggang kapcai.

Malah saya adalah satunsty editor kanan di akhbar arus perdana yang menunggang kapcai.

Tetapi saya bukan mat rempit yang mula kontroversi sejak akhir dekad 1990-an. Malah menolak sekeras-kerasnya cara hidup mat rempit yang bertentangan dengan agama, moral dan budaya.

Mat rempit sangat sinonim dengan pergaulan bebas, membuang masa dan tidak ada matlamat hidup.

Kapcai dan mat rempit adalah dua perkara berbeza walaupun banyak mat rempit menunggang kapcai. Mat rempit dirasuk gaya hidup bebas dan sama sekali tidak memberikan inspirasi kepada orang lain. Mat rempit adalah anak muda yang rosak akhlak dan pekerti.

Seperkara lagi saya tidak layak menjadi mat rempit kerana berseluas slack, baju kemeja lengan panjang masuk dalam. Mat rempit ada identiti dari segi pakaian dan lagak sosialnya. Kapcai saya pula bukan 'menjerit' hingga pecah gegendang telinga.

Mat rempit adalah satu sub budaya yang tumbuh dalam masyarakat bandar seperti Kuala Lumpur. Sub budaya ini berlaku akibat perubahan sosial yang pesat dalam masyarakat. Disebabkan terlalu pesat, ada yang tidak dapat bergerak seiring dan ketinggalan.

Mereka yang tertinggal itulah mat rempit. Salah satu sebabnya

mat rempit tidak ada hala tujuan hidup. Mereka diseruput budaya hedonisme, hiburan murahan dan melakukan pelanggaran garis moral dan agama.

Banyak juga terabai perhatian keluarga dan tercicir dalam pelajaran.

Sebenarnya tidak ada sesuatu yang baik boleh dipetik daripada kehidupan mat rempit. Semuanya membawa pada keburukan dan keruntuhan terutama dalam kalangan remaja.

Kalau baik, tidak mat rempitlah namanya. Kalau yang ada pekerti tinggi, mereka tidak menjadi mat rempit.

Apa baiknya kalau kegiatan itu sendiri sekutu dengan pergaulan bebas, tidak ada matlamat hidup dan tercicir dalam persekolahan.

Ini bukan satu persepsi liar atau prasangka buruk serta tidak adil kepada mat rempit. Sebaliknya banyak bukti yang menunjukkan mat rempit sebagai satu sub budaya yang mencetuskan penyakit sosial.

Memang ada bekas mat rempit yang berjaya dalam kerjaya. Bagaimanapun kejayaan itu bukan disebabkan oleh penglibatan sebagai mat rempit.

Kejayaan itu disebabkan wujud kesedaran dan meninggalkan dunia mat rempit yang penuh kecelaruan. Tidak ada asas untuk mengatakan mat rempit pun boleh berjaya dalam hidup.

Memang ada beberapa filem dan drama yang cuba memberikan imej putih kepada mat rempit. Bagaimanapun kerana tidak ada asas yang

“Kewujudan fenomena mat motor dengan kapcainya tidak sama dengan mat rempit yang mula wujud sejak akhir 1990-an. Memang ada lumba haram tetapi setakat itu sahajalah. Tidak melarat kegiatanjenayah jalanan seperti samun atau pergaulan bebas lelaki dan wanita.”

menyakinkan, filem-filem itu pun menjadi suatu yang sangat 'fake'. Banyak berbohong pada kebenaran. Seperti memutihkan bulu gagak tetapi sifatnya tetap gagak.

Kalau direka-reka kononnya mat rempit juga ada idealisme yang boleh dijadikan motivasi kepada golongan remaja, memang bolehlah.

Tetapi hal yang demikian tidak menggambarkan hakikat yang sebenar. Semua orang tahu hakikat mat rempit. Saya hanya gelak sahaja apabila ada yang membela mat rempit.

Buatlah seratus filem pun yang mewirakan atau memutihkan mat rempit, semuanya menjadi sampah kerana kepalsuan lebih besar berbanding kebenaran. Pembuat filem atau drama boleh menipu penonton, tetapi tidak boleh membohongi kebenaran bahawa mat rempit adalah perosak generasinya.

Oleh kerana itu saya tertanya-tanya kewarasan pentadbir sebuah sekolah di Kuala Lumpur mengundang mat rempit memberikan ceramah motivasi. Walaupun mat rempit itu juga seorang pempengaruh (*influencer*) media sosial, tetapi dia sangat dikenali sebagai seorang berpekerti buruk.

Pempengaruh hanya diukur daripada kuantiti. Memang ada pempengaruh yang berkualiti. Tetapi pempengaruh ini hanya ada kuantiti. Dia boleh dianalogikan dengan selongkok sampah yang dihirungi oleh beribus lalat. Walaupun kuantiti lalat banyak tetapi sifat sampah tidak berubah.

Tetapi lain halnya dengan bunga yang didatangi hanya beberapa ekor lebah. Nilai bunga tetap bunga, tidak menjadi sampah.

Untuk mencari kualiti, jangan menggunakan formula yang condong pada kuantiti. Tidak semua pempengaruh seperti bunga, banyak yang seperti sampah.

Mengundang mat rempit sekalipun sudah dijulang sebagai pempengaruh menunjukkan isyarat keruntuhan pemikiran yang berlaku dalam masyarakat. Mat rempit itu bukan sahaja gagal memberi motivasi malah merosakkan sudut pandang pelajar yang mentah untuk memilih jalan hidup. Pempengaruh itu bukan contoh atau *role model* yang baik untuk pelajar.

Pentadbir sekolah ini perlu kembalilah ke pangkal jalan. Tidak perlulah mempopulkarkan sekolah dengan mengundang mat rempit memberi motivasi. Sebaliknya mengundang mat rempit itu ke sekolah kemudian memberi motivasi kepadaadanya.

Ini yang sepatutnya dilakukan oleh pentadbir sekolah itu kepada mat rempit. Mereka perlu membawa mat rempit ke pangkal jalan, bukannya membawa pelajar mengidolakan mat rempit yang tiada matlamat hidup.

SAJAK

QURBAN JIWA

Paling ku sayang
jadi lagu ku dengang sewaktu siang
jadi mimpi indah hiasan malam menjelang
ku sayang runtu rasa
ku serahkan kepada Mu
jadi qurban jiwa kasihku.

Paling ku sayang
lama tangisku bila ia hilang
kosong hari menghitung panjang
kukasih ia menyalut duka hamba
ku serah kepada Mu
jadi qurban jiwa cintaku.

Meskipun ku sayang
ku tatang dan ku syair
air mataku mengalir

Meski siang bila malam tiada
Sumpah kupercaya
qurban jiwsku kan bahagia.

Norainizakaria
Ipkg Tawau

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Banteras syarikat perdaya jemaah haji

SABAN tahun apabila tiba musim haji, pasti akan terdengar cerita jemaah terkandas akibat menjadi mangsa penipuan agensi swasta yang konon berjanji akan menerbangkan jemaah ke tanah suci. Namun janji yang ditabur hanya palsu.

Tahun ini kisah sama berulang. Adi sedih mendengar kisah 380 jemaah tersadai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini yang gagal menunaikan Rukun Islam kelima akibat terpedaya dengan syarikat swasta yang ternyata gagal mengurus pemergian mereka ke tanah suci.

Sehingga saat terakhir, syarikat memberi harapan kepada jemaah mereka akan berlepas ke Makkah. Para jemaah sendiri tidak ditunjukkan tiket dan visa penerbangan tetapi percaya sepenuhnya kepada syarikat berkenaan.

Jemaah diminta hadir ke KLIA pada 7 Julai kerana penerbangan pada pukul 4.30 petang hari sama. Ia kemudian ditunda ke pukul 7 malam sedangkan penerbangan terakhir ke tanah suci ialah pada pukul 6 petang. Tiada lagi penerbangan haji selepas itu.

Alangkah kecewanya bakal jemaah yang tertipi dan telah membayar belasan hingga puluhan ribu ringgit. Pihak polis juga telah bertindak menahan beberapa individu daripada syarikat berkenaan untuk siasatan. Syarikat pula dilapor bersedia membayar balik wang jemaah secara berperingkat.

Bagi Adi, perbuatan memperdaya jemaah yang menaruh sepenuh harapan kepada syarikat swasta tertentu untuk menunaikan haji adalah sangat tidak bertanggung jawab dan memalukan. Ia satu penganiayaan kepada bakal jemaah yang sanggup menyediakan perbelanjaan sehingga berhabis simpanan asalkan dapat ke tanah suci.

Malangnya, ada syarikat yang mengambil kesempatan daripada keghairahan jemaah hendak ke tanah suci dengan menawarkan paket palsu. Bakal jemaah yang mungkin sudah lama menunggu giliran mudah tertarik dengan tawaran diberi dan mengambilnya tanpa menyelidiki latar belakang syarikat berkenaan.

Adi difahamkan, syarikat menggunakan visa furada, yang diurus terus dengan kedutaan Arab Saudi. Visa ini diurus setelah semua urusan visa untuk jemaah melalui Tabung Haji (TH) selesai. Kerana itu prosesnya lewat dan belum tentu dapat. Kalau dapat pun jumlahnya tidak menentu. Mungkin inilah senario yang



menimpa 380 jemaah baru-baru ini, gagal mendapat visa di saat akhir.

Bagi Adi, tiada masalah jika orang ramai hendak ke tanah suci menggunakan khidmat pelancongan swasta asalkan mampu kerana biasanya paket swasta jauh lebih mahal daripada bayaran yang dikenakan oleh jemaah Tabung Haji.

Tetapi ambil ingatan dan sentiasa berwaspada memiliki syarikat yang benar-benar tulen, berdaftar dan dilesen oleh Tabung Haji. Syarikat tersebut mesti juga dilesen oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan.

Jangan main terpa jika ada tawaran diterima. Selidiki terlebih dahulu, terutama jika syarikat berkenaan diketahui mahu menggunakan visa furada. Risiko untuk tidak mendapat visa di saat akhir memang tinggi. Pihak kedutaan Arab Saudi juga tidak boleh dipersalahkan seandainya ini berlaku.

Justeru cara terbaik menunaikan Rukun Islam kelima ialah melalui Tabung Haji atau

syarikat swasta yang dilesen demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan bakal jemaah. Terdapat banyak syarikat swasta yang berdaftar dan dilesen oleh Tabung Haji, jangan pilih yang tidak ada dalam senarai.

Kerana itu Adi berharap orang ramai yang berhasrat ke tanah suci ambillah iktibar daripada banyak kejadian yang berlaku sebelum ini di mana ramai bakal jemaah tertipi. Jika ramai yang melakukan kesilapan di masa lalu dan terpedaya, jangan ulang kesilapan sama. Kelak diri sendiri yang susah.

Pada masa sama, Adi berharap pihak berkuasa bertindak tegas dan keras terhadap syarikat swasta yang tidak amanah memperdaya bakal jemaah, apakah lagi jika terbukti ia melakukan kesalahan sama berulang-ulang. Banteras mereka habis-habisan, termasuk menutup operasi syarikat.

Menunaikan haji adalah Rukun Islam kelima untuk yang mampu. Jangan diperdaya hasrat suci mereka menunaikan suruhan Allah. Oleh itu penunggang agama yang hanya memikirkan untung atas

“Bagi Adi, tiada masalah jika orang ramai hendak ke tanah suci menggunakan khidmat pelancongan swasta asalkan mampu kerana biasanya paket swasta jauh lebih mahal daripada bayaran yang dikenakan oleh jemaah Tabung Haji.”

kesengsaraan orang lain tidak sewajarnya diberi maaf.

Adi—Masih tunggu giliran

BANTU PENIAGA PASAR JANGAN RUGI

BANGUNANNYA tersergam indah sebagai sebuah pasar moden serba bersih. Namun di sebalik kehebatan itu, Kompleks Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur (PHSKL) dikatakan memberi kesan kurang menggalakkan kepada para peniaga ekoran jualan harian merosot.

Kompleks pasar berharga RM90 juta yang siap dibina tahun lalu, menampilkan ciri serba moden. Persekitaran lebih bersih dan teratur. Semua ini memberi keselesaan kepada para peniaga dan pengunjung.

Ramai peniaga memuji pasar baharu ini dan berpuas hati dengan segala kemudahan disediakan. Suasana jual beli lebih kondusif. Pengunjung juga tidak menghadapi masalah parkir seperti sebelum ini kerana lot parkir disediakan. Tidak perlu lagi meletak kereta di bahu jalan.

Namun Adi difahamkan, pada masa sama, peniaga sedih kerana sekalipun pasar berwajah baharu, jumlah pengunjung berkurangan. Keadaan ini menjelaskan peniaga sehingga perniagaan hanya sekadar ‘cukup makan’, malah ada yang mendakwa tidak balik modal.

Sebagai contoh, ada peniaga ayam yang membuat perbandingan, ketika bermula di tempat lama dia mampu menjual sehingga 600 kilogram ayam sehari. Namun kini untuk menjual dalam lingkungan 100 kilogram sehari pun agak sukar.

Seorang peniaga sayur pula mendakwa, dia kehilangan ramai pelanggan tetap akibat pertukaran tempat dan menanggung kerugian setiap hari kerana pengunjung ke gerainya terlalu sedikit. Ini menyebabkan dia terkesan teruk kerana tidak mampu mendapat kembali modal harian.

Bagi Adi, aspek ini perlu diberi perhatian serius oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Mesti dikaji dengan teliti apa punca keadaan sedemikian berlaku. Sepatutnya di tempat yang lebih bersih dan selesa, lebih ramai akan datang

membeli.

Menurut peniaga, masalah ini pernah diutarakan kepada DBKL sebelum ini, namun tiada tindakan konkrit diambil. Sewajarnya DBKL bersikap proaktif mendengar rintihan peniaga. Setelah membina kompleks pasar bernilai puluhan juta ringgit, ia mestil mencari jalan membantu peniaga dengan memastikan jumlah kedatangan pembeli sekurang-kurangnya sama seperti di tempat lama.

Adakah kerana kurang publisiti dan promosi? Atau mungkin terdapat kekurangan tertentu dalam kompleks pasar berkenaan sehingga pengunjung menjauahkan diri?

Adi teringat suatu dahulu, Pasar Besar Gombak di Jalan Gombak dibina sebagai pasar moden untuk mengantikan pasar Sentul yang sudah lama wujud. Namun peniaga enggan berpindah menjadikan pasar tersebut seperti gajah putih.

Hanya beberapa ruang niaga diisi oleh penjual ikan, ayam dan sayur. Yang lain ada kedai bantal, klinik, kedai bingkai cermin, kedai jahitan, gunting rambut dan kedai cermin mata. Pasar tersebut telah pun dirobohkan dan kini sedang dibina komodinium di atasnya.

Tentunya tidak mungkin untuk peniaga kembali ke tempat lama. Namun usaha gigih mesti dilakukan untuk membantu peniaga Pasar Harian Selayang bagi memastikan mereka tidak berhadapan keadaan getir di tempat baharu. Berniaga adalah sumber pendapatan mereka. Adi percaya DBKL akan bertindak pantas menangani masalah ini.

Adi—Pergi pasar tani

Adi Taah



IZINKAN AKU MENJADI SAKSIMU

Izinkan aku menjadi saksimu setelah kau tidak lagi menampakkan sebenar wajahmu yang siuman

berhadapan dengan cermin perlukan sosok beradab meskipun di dalam dadaku menyimpan bara kesulitan yang meluap-luap

kau pun memalingkan wajah setelah akad dan kebobrokan berselindung mengendong gugah

inzinkan aku menjadi saksimu setelah sumpah setiamu berakhir di hujung belati tajam membebati lukisan hitam!

Ismail Hashim
Warisan Puteri, N. Sembilan

SKETSA



Sumbangan lembu ukir senyuman masyarakat

NGO ucap terima kasih kepada YWP

HAZIRAH HALIM

PERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) di 13 parlimen Wilayah Persekutuan menzahirkan ucapan terima kasih di atas sumbangan berupa 52 ekor lembu oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Rata-ratanya menyifatkan sumbangan untuk pelaksanaan ibadah korban atas inisiatif Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim tersebut memberi peluang buat warga kota terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40), asnaf dan fakir miskin dapat menikmati daging korban.

Menurut Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Batu, **Ghulam Muszaffar Ghulam Mustakim**, empat ekor lembu yang disumbangkan bagi setiap parlimen membantu menambah bilangan lembu korban di kawasan beliau.

“Alhamdulillah, sumbangan yang diperoleh menjadikan tujuh ekor lembu secara keseluruhannya kita dapat memberikan daging korban kepada kira-kira 1,000 golongan berpendapatan rendah (B40), asnaf dan fakir miskin di Parlimen Batu pada hari raya kedua.



SHAHIDAN (tengah) menyerahkan sumbangan kepada wakil NGO ketika Majlis Sumbangan Program Korban Perdana Yayasan Wilayah Persekutuan 2022 Putrajaya baru-baru ini.

“Ini secara tidak langsung mengimarahkan suasana hari raya selain menunjukkan bahawa pelbagai pihak mempunyai rasa tanggungjawab dan cakna terhadap keadaan dan keperluan masyarakat,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, pelaksanaan Program Korban Perdana di

Parlimen Batu baru-baru ini lebih menarik berbanding tahun sebelumnya memandangkan kali ini kerajaan membenarkan proses ibadah korban dijalankan seperti biasa.

Sementara itu, bagi Pengurus MPP Labuan, Mohd Dzulfaizal Ab Manan pula berkata seramai 300 penduduk turut serta mem-

bantu proses ibadah korban yang dilaksanakan pada hari raya kedua bermula pukul 7.30 pagi.

“Selain mengagihkan daging korban, kami juga bersama-sama mengadakan majlis gotong-royong masak beramai-ramai. Di sini, penerima yang layak dipilih menerusi kerjasama wakil-wakil 27 kampung di Labuan.

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

“Setiap keluarga menerima satu plastik daging. Biarpun tidak cukup untuk seluruh penduduk Labuan, namun kita berusaha agihkan sebaiknya kepada yang layak di samping ia juga dapat mengerakkan hubungan silaturahim antara masyarakat,” ujar beliau.

Selain Parlimen Batu dan Parlimen Labuan, sumbangan turut diberikan kepada NGO Kepong, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Bukit Bintang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak dan Putrajaya. **WK**

Haliza sumbang 50 tablet percuma demi masa hadapan pelajar B40

SABRINA SABRE

KOMITMEN terhadap kerjaya serta perasaan sayang terhadap anak didiknya membuatkan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Presint 11(1), Putrajaya, **Datin Haliza Hussin**, 60, tidak kisah menggunakan ‘duit poket’ sendiri untuk membantu pelajar yang kebanyakannya datang daripada keluarga ber-

pendapatan rendah (B40).

Menyedari kekangan yang dihadapi oleh pelajar daripada golongan B40 di SMK Presint 11(1) untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah mendorong beliau dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) menjayakan inisiatif murni memberi 50 tablet percuma kepada golongan memerlukan.

Menurut Haliza, penggunaan tablet dalam proses pembelajaran semasa amat diperlukan kerana ia menjadi medium penghubung penting pelajar dengan guru terutamanya dalam situasi penularan pandemik COVID-19.

“Atas rasa prihatin dan ihsan kami terhadap pelajar tersebut untuk mengikuti sesi pembelajaran dengan sempurna, maka usaha ini dilaksanakan segera dengan memberi keutamaan kepada mereka yang kurang berkemampuan. Saya tidak kisah habis beribu ringgit demi pelajar asalkan mereka berjaya.

“Saya tidak mahu mereka tercicir dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kerana peluang untuk menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) hanya sekali dan mereka perlu melakukan sehabis



HALIZA turut memberikan sumbangan peribadi untuk Surau At-Taqwa, SMK Putrajaya Presint 11(1) sempena persaraan beliau baru-baru ini.

baik untuk mengejar cita-cita dan membahagiakan kedua orang tua.

“Inisiatif ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami. Gunakanlah tablet yang diberikan itu dengan sebaiknya. Sekarang mereka semua mungkin di tahap B40 tapi suatu hari mereka adalah golongan yang akan memberi dan bukan lagi menerima. Semoga sumbangan ini menjadi lonjakan terbaik untuk anak-anak ini belajar bersungguh-sungguh dan berjaya

di masa hadapan,” katanya kepada *Wilayahku* ketika Majlis SriKandi Berbudi, Tulus Berbakti sempena persaraan beliau baru-baru ini.

Beliau yang sudah berkhidmat selama 38 tahun sebagai pendidik sentiasa memberikan semangat dan keyakinan kepada anak muridnya untuk terus mara bagi mengejar cita-cita dan membahagiakan kedua ibu bapa.

“Saya sendiri akan berusaha mendekati dan mengetahui masalah yang dihadapi oleh pe-

lajar serta membantu mereka sebaiknya. Kami para guru sentiasa mengadakan mesyuarat untuk membantu mereka di samping memastikan akademik pelajar menjadi keutamaan.

“Sebagai contoh, mereka yang tidak lulus dalam subjek tertentu semasa peperiksaan percubaan SPM perlu mengikuti kelas tambahan dan intensif yang telah disediakan oleh guru-guru. Saya mahu mereka terus bersemangat untuk mengekalkan kecerlangan, paling tidak pun lulus dengan jaya,” ujarnya yang turut menawarkan ganjaran wang tunai buat pelajar yang lulus dalam keputusan SPM.

“Inilah masanya saya berbakti kepada pelajar-pelajar yang memerlukan terutamanya mereka di dalam golongan B40.

“Saya akan sentiasa memberi dan tidak mengharapkan apa-apa balasan kerana nanti apabila meninggal dunia pun kita tidak boleh bawa harta, hanya kain putih sahaja yang akan mengiringi. Kita kena berusaha ikhlaskan hati kerana Allah SWT.

“Untuk itu, selepas ini walaupun sudah bersara saya akan terus berbakti meluangkan masa bersama suami tercinta untuk pergi ke sekolah-sekolah di luar bandar untuk membantu apa yang boleh.” ujar anak jati Kelantan ini. **WK**



HALIZA

REALITI KEHIDUPAN

RiauKota

15 - 21 JULAI 2022. Bil 173

Wilayah Ku

Nasyrul Quran hubungkan manusia dengan kitab suci

TAMADUN sesebuah bangsa dan negara sering dikaitkan dengan ilmu. Melalui ilmu, peradaban manusia akan berkembang dari semasa ke semasa sesuai dengan sumber ilmu yang boleh membangunkan sesebuah bangsa dan negara menjadi lebih berjaya.

Sumber ilmu yang menjadi

panduan kepada umat Islam zaman berzaman adalah kitab suci Al-Quran yang merupakan mukjizat junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diturunkan lebih 1,400 tahun lalu.

Sejarah penurunan Al-Quran secara berperingkat sedikit demi sedikit adalah bersesuaian dengan latar kehidupan umat Islam pada

ketika itu yang menekankan dengan lengkap mengenai cara hidup, muamalah, ibadah sehingga kepada ilmu falak dan sebagainya.

Sebelum kewafatan Rasulullah SAW, usaha pembukuan atau penjilidan wahyu agung ini telah dimulakan bagi mengelakkan ia hilang dan lupa. Selepas

kewafatan baginda, Khalifah pertama umat Islam, Saidina Abu Bakar As-Siddiq meneruskan usaha itu bagi menghimpunkan ia menjadi satu mushaf yang diikat kemas, tersusun turutan ayatnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





FOTO: AMIN FARUJ HASAN
AZLAN ZAMBRY

DARI MUKA 9

Selepas kewafatan Saidina Abu Bakar, mushaf itu diserahkan pula kepada Saidina Umar al-Khattab untuk meneruskan usaha itu. Apabila beliau wafat, mushaf itu dipindahkan ke rumah Hafsa, isteri Rasulullah SAW yang juga anak Saidina Umar sehingga ke saat pengumpulan dan penyusunan Al-Quran pada zaman Khalifah Uthman Al Affan.

PENUBUHAN KOMPLEKS NASYRUL QURAN

KOMPLEKS Nasyrul Quran merupakan inisiatif

Yayasan Restu iaitu badan yang bertanggungjawab untuk menyalin dan mencetak Al-Quran mushaf Malaysia sejak 30 tahun lalu. Ia juga menawarkan perkhidmatan wakaf dan mengedarkan Al-Quran kepada badan-badan korporat yang bekerjasama dengannya.

Kompleks yang menelan belanja RM60 juta itu menjadi kebanggaan umat Islam di Malaysia serta di rantau ini apabila ia turut menempatkan kilang percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia selepas Pusat Percetakan al-Quran al-Malik Fahd Madinah, Arab Saudi.

Berteraskan kepada konsep menghubungkan ummah dengan Al-Quran, kompleks yang mula beroperasi pada 13 Jun 2017 itu membuka peluang kepada pengunjung untuk melihat setiap proses

yang dilakukan dari peringkat awal penyalinan Al-Quran sehingga ke fasa cetakan.

Kompleks ini juga menyediakan ekosistem penerbitan sesebuah mushaf Al-Quran yang bermula daripada proses menyalin untuk dijadikan manuskrip, memeriksa, membuat reka bentuk hiasan sehingga mencetaknya di kilang sendiri.

SESI TAKLIMAT

SEBAIK melangkah ke kompleks ini, seorang pemandu pelancong ditugaskan untuk memberikan taklimat mengenai keseluruhan operasi kompleks tersebut. Semasa taklimat diberikan, pengunjung akan dihidangkan dengan tiga tayangan video iaitu proses

pembukan Al-Quran, penerangan mengenai Nasyrul Quran dan pameran tentang perjalanan hidup Rasulullah, Rehlah Nabawiyah yang terdapat di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor, Seksyen 10, Shah Alam.

Penyalinan dan percetakan Al-Quran ini akan melalui proses kajian dan penyelidikan menyeluruh bagi menjadikan mushaf terbitan negara-negara yang berminat mempunyai identiti tersendiri. Bagi melihat dengan lebih dekat mengenai proses tersebut, tiga buah galeri disediakan untuk orang ramai melihat dan mengetahui dengan terperinci setiap proses yang perlu diambil.

Antaranya adalah Galeri Mushaf Luar Negara. Dalam galeri ini, ia memperkenalkan beberapa mushaf Al-Quran luar

negara seperti Mushaf Rusia; Mushaf Kazakhstan; Mushaf India; Mushaf Khmer; Mushaf Thailand; Mushaf Filipina.

Selain itu, terdapat juga Mushaf China; Mushaf Palestin; Mushaf Yaman, Mushaf Nusantara, Mushaf Indonesia; Mushaf Nigeria dan beberapa negara lagi.

Sudah pasti terdapat perbezaan dalam setiap mushaf luar negara. Yang membezakannya adalah zukhruf ataupun hiasan di dalam setiap helaian mushaf kerana ia dibuat dengan motif yang berlainan. Pemilihan motif pula akan dilakukan mengikut budaya, alam semula jadi serta mercu sesebuah tempat.

Melalui Galeri Mushaf Malaysia, pastinya pengunjung akan teruja apabila Mushaf Malaysia yang mengambil masa



hampir tujuh tahun untuk dilaksanakan dipaparkan melalui negeri-negeri yang ada di dalam negara. Setiap negeri mempunyai dua helai motif yang berbeza seperti proses penyelidikan dan lakaran motif untuk dimuatkan di dalam zukhruf mushaf berkenaan.

Setiap manuskrip Al-Quran di bawah penerbitan Yayasan Restu telah pun mendapat kebenaran dan permit daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan sehingga kini, mereka mempunyai kira-kira 13 manuskrip Al-Quran yang ditempatkan di sebuah bilik kebal di Kompleks Seni Islam

Antarabangsa Selangor, Seksyen 10, Shah Alam.

Kompleks tersebut turut mempunyai Galeri Hiasan Dalaman dan Seni Bina Islam yang menghimpunkan karya seni berbentuk jubin serta hiasan dalaman untuk lebih 100 buah masjid seluruh negara mengikut zukhruf di dalam mushaf. Terdapat banyak hiasan tulisan khat, jubin pelbagai corak, motif dan kaligrafi serta pasu hiasan bersaiz besar yang mendapat sentuhan Yayasan Restu. Antara masjid yang menerima sentuhan perek YR untuk hiasan dalaman adalah Masjid Al-Badr, Pulau Pangkor;

Masjid Salmah Khamis, Masjid Tanah, Masjid Kampung Api-Api Kuala Selangor dan banyak lagi.

Kompleks ini turut menyediakan anjung tinjau untuk melihat dengan lebih dekat mengenai operasi di kilang cetak seperti pengeluaran plate; semakan plate; penyusunan kertas; pemasangan plate dan penglipatan juzuk Al-Quran; pre-gather juzuk Al-Quran; pengumpulan juzuk Al-Quran; pemasangan soft cover; penjahitan Al Quran dan pemasangan hard cover sebelum ia dibungkus dan diedarkan. **W.K**



KEMASAN dalaman seperti jubin dan seramik yang mendapat sentuhan perek YR sering menjadi pilihan utama.

Anjur program untuk semua lapisan masyarakat

KOМPLEKS Nasryul Quran bukan sahaja sebagai kilang percetakan dan pameran Al-Quran, bahkan ia juga menjadi pusat untuk umat Islam di sekitar Putrajaya memahami dan berinteraksi dengan kitab suci itu.

Menurut Pengarah Perhubungan Awamnya, Nurashikin Abdul Latiff interaksi yang dimaksudkan adalah program pendidikan berteraskan Al-Quran yang dilakukan secara terbuka untuk semua lapisan masyarakat.

"Kami mempunyai beberapa program yang boleh disertai oleh semua lapisan masyarakat agar fokus untuk membina generasi yang celik Al-Quran dapat diketengahkan ke dalam

komuniti," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Bercerita lanjut, Nurashikin berkata, setiap bulan, pihak Nasryul Quran akan mengadakan program khatam Al-Quran yang disertai komuniti setempat pada setiap Jumaat minggu terakhir.

"Selain itu, kami turut melaksanakan program talakki dan tahsin bacaan ayat suci, majlis zikir dan selawat, bengkel atau daurah mencontohi solat Rasulullah SAW.

"Kami juga turut mempunyai program bacaan Surah Al-Kahfi secara langsung



NURASHIKIN

yang dipancarkan secara langsung dari laman Facebook Nasryul Quran melalui studio di kompleks ini," katanya.

Nurashikin berkata, kompleks tersebut turut menempatkan kira-kira tiga buah

bilik kuliah yang antara satunya boleh menempatkan kira-kira 120 orang dalam satu-satu masa.

"Kami juga mempunyai sebuah dewan besar yang boleh digunakan untuk aktiviti keagamaan dan ia boleh

menempatkan kira-kira lebih 450 orang," katanya.

Beliau berkata untuk kerja-kerja penyalinan Al-Quran tidak dilaksanakan di kompleks tersebut kerana ia dilakukan di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor, Seksyen 10, Shah Alam.

"Pengunjung yang berminat untuk melawat akan dibawa ke semua galeri termasuk kilang percetakan dan berpeluang melakukan demo kaligrafi.

"Mereka juga akan berpeluang menyalin semula ayat-ayat suci melalui sebuah buku bagi memberikan pengalaman

sebenar bagaimana kerja-kerja penyalinan Al-Quran dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Nurashikin berkata, pelawat juga berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat mengenai proses penyalinan Al-Quran serta peralatan yang digunakan untuk melaksanakan tugas tersebut.

"Mereka akan ditunjukkan mengenai kerja-kerja itu dilaksanakan melalui lawatan ke galeri yang turut menghimpunkan peralatan yang digunakan serta contoh-contoh Mushaf Al-Quran yang telah dihasilkan," katanya. **W.K**



NASYRUL QURAN menganjurkan program-program bermanfaat untuk semua peringkat umur.







SUASANA kemeriah sambutan Hari Raya Aidiladha di Wilayah Persekutuan Labuan.

Shahrol bangkang Afdlin Shauki



DEEL ANJER

KECOH baru-baru ini tular video berdurasi 54 saat yang menunjukkan seorang wanita tampil berpakaian sopan dalam satu acara komedi di sebuah kelab di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur.

Dalam video berkenaan, wanita itu mendakwa dirinya beragama Islam serta sudah menghafal 15 juzuk Al-Quran, sebelum secara tiba-tiba dia meninggalkan baju kurung serta



tudungnya hingga mendedahkan aurat.

Isu panas ini mendapat pelbagai reaksi ramai pihak agar wanita dan mereka yang terlibat diberikan pengajaran sepatutnya.

Antaranya adalah penutupan sementara Crackhouse Comedy Club.

Namun, situasi ini menjadi lebih tegang apabila pelakon Afdlin Shauki dikatakan menentang penutupan kelab tersebut sekali gus mendapat reaksi tidak setuju daripada pelawak Shahrol Shiro.

"Ada dua persoalan yang bermain di fikiran saya. Pertama, sebagai penganjur dan pemilik premis kita punya hak untuk menghalang sebuah

persembahan jika ia melanggar batas-batas terutama isu sensitif yang membabitkan kesucian agama Islam.

"Adakah ia tidak diberitahu kepada pelawak yang akan membuat persembahan terlebih dahulu? Dan jika ia melanggar batas itu kenapa penganjur tidak terus naik ke atas pentas dan membatalkan persembahan serta-merta dan kita

melihat seolah-olah penganjur meraikan persembahan komedi itu.

"Kedua, adakah sebelum ini pihak penganjur pernah melepaskan 'content' (kandungan) sebegini lebih sensitif lagi kerana ada beberapa video yang akan tular dan mengundang kemarahan masyarakat lagi.

"Pada pendapat saya biarlah ditutup sementara bagi membantu siasatan. Analogi 'swimming pool' agak kurang tepat digunakan untuk kes ini.

Ada masa kita bangkang dan ada masa kita bertengang buat sementara," katanya menerusi Instagram.

Shahrol juga menyeru agar semua pelawak Malaysia peka dan sentiasa sedar batas dalam komedi.

W.K



AFDLIN SHAUKI

Prince Chiki tonjol sikap angkuh netizen

PELAKON popular Igram Dinizly menyedari ramai peminat keliru apabila dia pernah mengaku dirinya sebagai Prince Chiki dalam media sosial.

Siapakah sebenarnya Prince Chiki yang dimaksudkan oleh Igram?

"Yang sering dilihat (dalam media sosial)

itu ialah Prince Chiki Dinizly, bukannya Igram Dinizly. Ia merupakan karakter kedua saya.

"Prince Chiki Dinizly yang ditampilkan itu sebenarnya ada diri kebanyakannya netizen.

"Pun begitu, sama ada Igram mahupun Prince Chiki, kedua-duanya membuatkan saya makin mengenali diri sendiri," katanya.

Lebih mengejutkan, Igram mendakwa baru dua karakter dirinya dikeluarkan, hakikatnya terdapat lima lagi personaliti masih belum ditonjolkan.

"Prince Chiki itu diwujudkan bagi mewakili sikap angkuh netizen yang konaunya rasa mereka paling berkuasa di platform maya."

"Bahkan setiap kali orang menggelarkan Igram Dinizly tu seorang yang gila, saya akan marah. Padahal Prince Chiki banyak kali sebut bahawa si Igram Dinizly tu dah mati," tegasnya.

Tentang kerjaya, Igram Dinizly akan muncul

dalam drama bersiri Cinta Hilang Kata siaran Astro.

Selain Igram, turut membintangi drama tersebut ialah Shah Jaszle, Sophia Albarakbah, Nelissa Nizam, Hariz Hamdan, Liza Abdullah dan ramai lagi.



PRINCE CHIKI

Tak untung besar tapi Jamal puas hati

"**SAYA** tak kisah tak untung besar. Bagi saya niat utama saya tercapai iaitu mahu menghargai guru saya dalam bidang muzik," ujar raja pop negara **Datuk Jamal Abdillah** mengenai Konsert Tribute Datuk Seri Ahmad Nawab yang berlangsung di Istana Budaya, Kuala Lumpur selama tiga hari pada awal Julai lalu.

Beliau berkata demikian ketika sesi makan tengahari bersama media anjuran FMC yang diadakan di Hotel Pavilion, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jamal dilihat positif dan berpuas hati kerana dapat memberikan penghargaan kepada Seniman Negara itu.

Ditanya mengenai penerimaan Ahmad Nawab, Jamal akui pada mulanya komposer itu tidak bersetuju pengjuran konsert



JAMAL (kanan) bersama Ahmad Nawab (duduk).

berkenaan.

"Awalnya beliau tidak suka dengan pengjuran konsert ini kerana tidak bertindak bertanya lebih awal.

"Kemudian beliau meluahkan rasa terharu dan ucap terima kasih untuk konsert tersebut," katanya.

Akui beliau kesuntukan masa bagi tujuan promosi membuatkan pembelian tiket kurang memberangsangkan.

"Memanglah tidak untung besar tapi bukanlah rugi sebab semua kos produksi telah dibayar dengan geran yang diterima.

"Cuma saya rasa ralat kerana tempoh masa untuk promosi agak singkat.

Konsert ini akan jadi lebih baik kalau saya ada lebih banyak masa," katanya.

Konsert yang berlangsung pada 1 hingga 3 Julai lalu itu merupakan terbitan Bin Jamal Event Sdn Bhd dan dibawa bersama oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya melalui Jabatan Kebudayaan

dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya.



Lanjutan WBB langkah terbaik buat peniaga

NISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang diperkenalkan bagi membantu golongan rentan yang terjejas ternyata memberi nafas baharu bagi mereka untuk meneruskan kehidupan di Wilayah Persekutuan.

Terbaru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan memaklumkan WBB untuk Lesen Sementara KL Prihatin akan dikekalkan hingga 31 Disember ini selain beberapa penambahbaikan.

Antaranya bayaran fi lesen, penetapan waktu operasi perniagaan dan penyusunan atau pemindahan penjaja bagi mengatasi isu seperti halangan lalu lintas, kebersihan dan pembinaan struktur kekal.

Bagi bayaran fi pembaharuan lesen, sebanyak RM20 dikenakan sebulan selain caj perkhidmatan RM30 sebulan yang mana ia bertujuan untuk menampung kos kerja pembersihan dan pengurusan.

Sementara waktu operasi perniagaan pula dihadkan kepada dua sesi berbanding sepanjang hari sebelum ini bagi mengawal keadaan di tapak selain memudahkan kerja pembersihan yang dilakukan.

Penjaja di lokasi terlibat aduan atau kakau ganggu akan disusun atau dipindah tertakluk kepada kekosongan antaranya di Pusat Penjaja; Pasar Berbangunan DBKL; pasar malam atau pasar terbuka



MOHD Amiruddin sedang melayan pelanggan.

sedia ada dan penempatan semula penjaja di lokasi dibenarkan DBKL.

Langkah yang diambil ternyata menunjukkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi sedaya upaya membantu peniaga selain sebagai alternatif untuk mereka keluar dari kemiskinan bandar.

Terdahulu, skim yang berakhir pada bulan Jun lalu disambung lagi sehingga 31 Disember 2022.

Skim ini telah pun beberapa kali disambung sejak pertama kali ia diperkenalkan pada tahun 2020.

Bagi mengetahui lebih lanjut, *Wilayahku* sempat turun padang mendapatkan maklum balas peniaga dan warga kota berhubung usaha yang dirintis bagi memastikan permasalahan dapat diselesaikan dan mendapat manfaat bersama dalam Keluarga Malaysia. **WK**



REAKSI

SAYA meniaga di sini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2020 lalu. Dari segi waktu operasi baharu saya sokong kerana peniaga dapat menyusun semula masa berniaga untuk lebih efisien lagi.



"Selepas 31 Disember ini, saya akan cuba memohon kepada pihak DBKL untuk terus berniaga di sini kerana kebanyakan pelanggan saya ada di sini. Saya juga berharap DBKL akan meneruskan inisiatif ini walaupun

terpaksa mengenakan fi lesen dan caj perkhidmatan yang lebih tinggi."

MOHD AMIRUDDIN ABDUL MANAP, 38

Peniaga cucur udang kuah kacang warisan



"**SEJAK** terlibat dalam inisiatif ini, ia memberi sinar baharu buat saya yang baru terlibat dalam bidang perniagaan, tambahan melalui inisiatif ini juga, ia memberi pendedahan kepada peniaga baru untuk

mendapatkan lokasi berniaga di kawasan-kawasan yang telah disenaraikan oleh DBKL. Melalui WBB juga merupakan mata pencarian saya. Jadi, apa sahaja yang baik untuk peniaga saya akan sokong 100 peratus. Terima kasih kepada pihak yang terlibat kerana memikirkan nasib peniaga."

MUHAMMAD KHAIRI ZULKIFLI, 36

Peniaga Uncle Bob

"**SAYA** sangat bersetuju sekiranya WBB ini diperluaskan lagi dengan membuka permohonan baru kerana saya sendiri ingin memohon inisiatif ini. Sewaktu diperkenalkan pada Disember 2020 lalu, saya hanya mengetahui

mengenainya melalui Facebook dan apabila ingin memohon, ia telah ditutup.

"Apa yang saya tahu kelebihan berniaga di bawah WBB ini adalah kita dibenarkan berniaga di mana-mana sahaja dan dengan



penambahbaikan yang akan dilakukan termasuk dari segi lokasi, saya yakin membantu meningkatkan hasil jualan."

MOHD FIFIZURI MAT DAUD, 35

Peniaga Burger

"**PADA** pandangan saya

penambahbaikan terutama dari segi lokasi amat penting. Jika sebelum ini peniaga dibenarkan

berniaga di mana sahaja namun apabila sudah memasuki fasa peralihan endemik ini, orang ramai sudah kembali kepada rutin asal dan ia serba sedikit mengganggu aliran trafik.



"Caj fi lesen yang diberikan kepada peniaga juga masih dalam kadar berpatutan serta mempunyai tempoh lesen."

BAKHTIAR ANUAR MD AMIN, 49

Peniaga Takoyaki

Ibadah haji jambatan satukan ummah



DATUK IDRIS AHMAD

MEMASUKI jendela Zulhijah 1443 Hijrah, ia amat sinonim dengan ibadah haji. Bagi umat Islam yang sedang berada di bumi Makkah mengerjakan ibadah haji, saat lisan menyebut dan telinga mendengar bacaan talbiah, entah mengapa, bacaan talbiah itu benar-benar menusuk kalbu.

Begitu juga sahabat dan sanak saudara berada di Malaysia, apabila menonton televisyen, terdengar sahaja lafaz talbiah, hati mula berasa sebak. Inilah maksud bacaan talbiah.

"Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala pujian dan nikmat dan pemerintahan adalah milik-Mu. Tidak ada sekutu bagi-Mu."

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 96 dan 97 bermaksud: "Sesungguhnya rumah ibadat yang mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhan) ialah Baitullah di Makkah yang berkat dan (dihadiahkan) petunjuk hidayat bagi umat manusia. Di situ ada tanda keterangan nyata (menunjukkan kemuliaannya; antaranya ialah) makam Nabi Ibrahim dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa kufur (ingkar kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk."

Ibadah haji mengajar erti



IBADAH haji mendidik umat untuk saling menghormati, tolong-menolong juga berkasih sayang atas nama iman serta Islam dan setiap individu muslim perlu menjadi jambatan menyatukan umat Islam, bukan meruntuhkan permuafakatan.

kepuatan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Seseorang itu berkurban wang ringgit, tenaga dan serba-serbi kepuayan semata-mata untuk menunaikan Rukun Islam.

Inilah lambang taat setia seorang hamba kepada Allah SWT, semua ini dilakukan semata-mata mencari reda Tuhan. Baginda Rasulullah SAW bersabda dalam hadis direkodkan Imam Bukhari dan Muslim bermaksud: "Sesiapa melakukan ibadah haji dengan tidak mengucapkan perkataan keji, tidak melakukan perkara fasik, dia akan kembali ke negerinya dengan fitrah jiwanya yang suci seperti bayi baru dilahirkan daripada perut ibunya".

Syukur alhamdulillah, tahun ini jemaah dari negara kita berpeluang

mengerjakan ibadah haji. Selepas tertangguh dua tahun akibat pandemik COVID-19, tahun ini, kerajaan Arab Saudi memberikan jumlah kuota sebanyak 14,306 jemaah haji kepada negara kita.

Persiapan serapi mungkin dilakukan Tabung Haji (TH), merangkumi aspek bangunan penginapan, penerbangan, pengangkutan, program bimbingan dan keilmuan, kesihatan termasuk prosedur operasi standard (SOP) COVID-19, sajian makanan dan kemudahan lain bagi memastikan kelancaran pengendalian jemaah pada tahun ini.

Pada musim haji tahun ini, seramai 600 petugas TH termasuk pasukan perubatan berada di Tanah Suci untuk mengurus dan menyantuni jemaah Malaysia.

Usia TH melebihi 50 tahun. Mengundur terowong masa, pada 1959, Prof Diraja Ungku Abdul Aziz membentangkan kertas kajian beliau bertajuk 'Rancangan Membalik Keadaan Ekonomi Bakal-Bakal Haji' kepada kerajaan.

Selepas itu pada 1960, Jawatankuasa Kebajikan Ekonomi Bakal-Bakal Haji dibentuk untuk mengenal pasti masalah dihadapi umat Islam mahu mengerjakan haji khususnya kaedah penyimpanan wang mereka untuk tujuan itu.

Selepas beberapa siri mesyuarat dan libat urus, sebuah institusi iaitu Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji ditubuhkan pada November 1962.

Bagi menghadapi tugas lebih komprehensif dalam pengurusan haji, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) ditubuhkan secara rasmi pada 8 Ogos 1969.

Sehingga sekarang, TH melalui pelbagai episod mematangkannya

sebagai agensi pengurusan haji. Dunia Islam sentiasa memandang Malaysia dan TH sebagai model pengurusan terbaik haji.

Ketika saya diundang menjadi pembicara pada Simposium Perdana Haji di Makkah 4 Julai lalu, dunia Islam sentiasa menyebut contoh kecemerlangan pengurusan TH.

Pengiktirafan ini adalah satu kebanggaan buat negara. Jemaah haji kita pula amat berdisiplin serta mematuhi arahan pihak berkuasa, selain orang kita amat tertib dan murah dengan senyuman.

Saya selalu berpesan kepada pengurus dan seluruh pengurusan TH untuk menjaga amanah sebaiknya. TH adalah amanah umat Islam. TH bukan milik peribadi. Ia mesti diurus dengan penuh dedikasi dan integriti. Semoga Allah memberkati semua insan membangunkan TH sejak hari pertama ia ditubuhkan.

Arafah menjadi lokasi sejuta umat Islam dari seluruh dunia berhimpun tahun ini. Jarak di antara Makkah ke Arafah sejauh 21.9 kilometer (km) manakala jarak antara Mina dan Arafah kira-kira 14.9 km.

Berada di bumi Arafah pada kemuncak haji dipanggil wukuf menjadi rukun haji. Jemaah ketika di Arafah memanfaatkan setiap saat dan detik berharga, memperbanyak istighfar, berzikir, berdoa, bertalbiah, bermuhasabah diri dan bermunajat kepada Allah SWT.

Hari Arafah adalah hari pengampunan dosa dan pembebasan daripada azab api neraka. Daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Tiada hari paling

“Inilah lambang taat setia seorang hamba kepada Allah SWT, semua ini dilakukan semata-mata mencari reda Tuhan. Baginda Rasulullah SAW bersabda dalam hadis direkodkan Imam Bukhari dan Muslim bermaksud: “Sesiapa melakukan ibadah haji dengan tidak mengucapkan perkataan keji, tidak melakukan perkara fasik, dia akan kembali ke negerinya dengan fitrah jiwanya yang suci seperti bayi baru dilahirkan daripada perut ibunya.”

banyak Allah membebaskan hamba-Nya daripada neraka berbanding hari Arafah. Sesungguhnya Allah mendekati (dengan rahmat-Nya). Kemudian Dia berbangga dengan semua hamba-Nya kepada malaikat sambil berkata. “Apa lagi yang diinginkan oleh mereka?”

Semoga Allah SWT mengampunkan dosa kita sebagai hamba-Nya. Tidak kira walau siapa pun kita, semua sama sahaja pada pandangan Allah.

Pembeza kita hanyalah takwa. Apabila kita sedar diri adalah hamba, maka segala sifat sompong dalam diri perlu dibuang jauh-jauh. Jangan pernah kita merendah-rendahkan sesiapa sahaja kerana boleh jadi orang itu lebih mulia daripada kita.

Ibadah haji yang menghimpunkan sejuta umat Islam dari seluruh pelosok dunia mengajar erti penyatuan. Ia memperkuuh semangat persaudaraan dan membuang segala bibit kesumat.

Ibadah haji mendidik umat untuk saling menghormati, tolong-menolong dan berkasih sayang atas nama iman serta Islam. Setiap individu muslim perlu menjadi jambatan menyatukan umat Islam, bukan meruntuhkan permuafakatan.

Apabila umat Islam bersatu dan berpadu, ia memperteguhkan kekuatan umat. Semangat ini mestilah dibawa pulang ke negara Malaysia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 10 bermaksud: "Sebenarnya orang beriman itu bersaudara, maka damaikan di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Penulis adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Ngauman Dinosaur dalam Jurassic World Dominion

RASFAN ABU BAKAR

KISAH bermula dengan Claire Dearing dan Owen Grady tinggal di sebuah kabin terpencil di pergunungan Sierra Nevada di mana mereka secara rahsia menjaga Maisie Lockwood, cucu klon Sir Benjamin Lockwood. Di kabin ini mereka bertiga mengasingkan diri dari masyarakat umum disebabkan ingin memberi perlindungan kepada Maisie kerana gadis ini mempunyai gen yang istimewa dan menjadi buruan orang jahat.

Maisie Lockwood yang sedang meniti usia remaja sering pula melanggar arahan Claire dan Owen dengan keluar merayau-rayau di kawasan hutan kerana berasa bosan dan sunyi. Pada masa sama Blue seekor dinosaur jenis Velociraptor yang pernah dilahirkan oleh Owen telah melahirkan seekor anak yang dinamakan Beta. Oleh kerana Maisie dan Beta ini mempunyai gen yang istimewa maka ia telah menjadi perhatian sebuah syarikat berteknologi tinggi iaitu BioSyn Genetics.

Syarikat ini mempunyai niat jahat dan telah mengupah sekumpulan pemburu haram untuk menculik Maisie dan Beta bagi tujuan kajian kerana mereka berdua mempunyai DNA yang bernilai tinggi. Di waktu yang sama juga dunia sedang berhadapan dengan satu krisis berkaitan bekalan makanan kerana kemunculan semula belalang spesis dinosaur yang telah menghapuskan banyak hasil tanaman.

Seorang saintis Ellie Sattler sedang mengkaji fenomena belalang gergasi ini dan cuba mengaitkannya dengan hidupan zaman dinosaur kerana melihat keanehan pada gen belalang tersebut. Justeru itu Ellie Sattler berhubung semula dengan bekas kekasihnya, ahli paleontologi Alan Grant dan mereka berdua sepatutnya untuk terbang ke ibu pejabat Biosyn di Pergunungan Dolomite,

Itali.

Pemerjian mereka ke lokasi itu adalah disebabkan ingin mencari bukti berkaitan gen belalang gergasi tersebut kerana merasakan semua perkara ini berpunca daripada angkara syarikat itu. Bekas rakan baik mereka Ian Malcolm yang bekerja sebagai perunding di Biosyn telah sedia menunggu kedatangan mereka berdua dan memberikan akses untuk menyelinap masuk ke dalam makmal bagi mencari bukti yang diperlukan.

Di masa yang sama juga Claire Dearing serta Owen Grady terus berusaha untuk menjelaki kumpulan penculik dan mereka meminta pertolongan seorang juruterbang bernama Kayla Watt untuk ke BioSyn Genetics. Tetapi sebelum berjaya untuk terbang, mereka semua telah berhempas pulas mlarikan diri dari dibaham tiga ekor anak dinosaur yang begitu ganas dan tangkas memburu mangsa. Aksi kejar mengejar di antara manusia dan haiwan ganas ini sangat menarik dan mendebarkan.

Setelah berjaya melepaskan diri daripada dinosaur, mereka semua bertemu di pulau yang ditujui dan terjadilah pelbagai peristiwa mengujakan. Di antaranya ialah mereka cuba mengelakkan diri dari dibaham pelbagai spesis dinosaur seperti *Quetzalcoatlus*, *Therizinosaurus*, *Pyroraptor*, *Giganotosaurus* dan *Tyrannosaurus Rex*. Aksi ganas haiwan ini dilakukan dengan kemas serta tidak membosankan. Saiz dinosaur juga terdiri daripada yang kecil dan comel sehingga yang besar dan garang.

Kisah ini berakhir dengan mereka semua berjaya keluar dari pulau tersebut dan anak dinosaur bernama Beta berjaya ditemukan kembali dengan ibunya Blue. Belalang gergasi juga dapat dimusnahkan dan tanaman kembali seperti sediakala.

Secara keseluruhannya filem



“Syarikat ini mempunyai niat jahat dan telah mengupah sekumpulan pemburu haram untuk menculik Maisie dan Beta bagi tujuan kajian kerana mereka berdua mempunyai DNA yang bernilai tinggi.”



Jurassic World Dominion arahan Colin Trevorrow ini kelihatan lebih gagah, kuat dan menghiburkan. Ia juga boleh dianggap sebagai salah satu sekuel yang bagus. Kesan khasnya benar-benar istimewa di samping aspek lakonannya yang meyakinkan. Begitu juga aspek sinematografi serta pengarahan yang mantap dan sangat menghiburkan terutamanya

buat kanak-kanak. Mereka bukan sahaja boleh berhibur tetapi boleh mempelajari pelbagai perkara berkaitan dinosaur seperti nama, habitat, dan tabiat haiwan tersebut.

Penulis merupakan Dekan Fakulti Animasi & Multimedia, Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).



MUHAMMAD BASIR ROSLAN

MULA menjual sandwic secara sambilan di kampus dengan modal hanya sekitar RM20 sehari ketika bergelar pelajar tahun tiga di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dua sahabat **Fatin Nurjihan Burhanuddin** dan **Fatin Wahidah Safiaw** kini boleh dianggap sebagai antara usahawan muda yang meningkat naik di negara ini. Dalam tempoh lima tahun, Banat Sandwich Enterprise yang dikorporatkan oleh mereka pada 2017 dengan modal cuma RM1,000, semakin dikenali dalam kalangan penggemar snek itu dengan nilai jualan bulanan melebihi RM10,000.

Gah di media sosial dengan pasaran utama di Nilai dan Seremban, Negeri Sembilan serta sekitar Bangi dan Shah Alam, Selangor, dua wanita muda itu menetapkan matlamat baharu, iaitu membuka sebuah kafe sandwic premium di Bandar Baru Nilai dalam masa terdekat.

Menariknya, kedua-dua mereka yang merupakan lulusan Sarjana Muda daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM, turut mempraktikkan dasar berkongsi laba dengan mahasiswa USIM iaitu mengambil mereka yang berminat mencari pendapatan sampingan sebagai pekerja sambilan.

BERSUSAH-SUSAH DAHULU

MENGENANG kembali jerih payah membangunkan produk Banat Sandwich hingga ke tahap sekarang, Fatin Nurjihan berkata idea untuk bermiaga sandwic timbul selepas mendapat makana itu menjadi antara pilihan utama mahasiswa bagi mengalas perut dalam kesibukan menjalani kehidupan harian sebagai pelajar.

"Selain itu, Persatuan Pelajar USIM juga menyokong usaha pelajar yang ingin bermiaga bagi mencari pendapatan sampingan. Di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah misalnya, pelajar yang ingin bermiaga cuma perlu membayar sewa meja khas RM8 sebulan, jadi kami tidak sia-siakan peluang itu," kongsinya dengan Bernama.

Menurut anak jati Terengganu itu, sejak awal perniagaan, sandwic yang mereka sediakan sentiasa mendapat sambutan menggalakkan kerana harga yang murah iaitu RM1

Banat Sandwich: Bantu mahasiswa cari pendapatan sampingan



BANAT Sandiwch memberi peluang kepada pelajar USIM mencari pendapatan sampingan dengan menjadi penghantar makanan.

sekeping.

"Kami mampu meraih keuntungan bulanan hingga RM400 yang kemudian kami kongsi sebagai upah dan juga dijadikan modal pusingan seterusnya," jelasnya.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai sekarang tidak mudah kerana pada masa itu mereka masih perlu melunaskan tanggungjawab sebagai pelajar.

"Kami masih ingat, ketika kami masih lagi bergelar pelajar USIM, situasi amat sukar kerana kami perlu bangun seawal 4 pagi untuk menyiapkan roti sandwic sebelum dijual di fakulti kampus.

"Selepas tamat pengajian pada 2017, kami beri sepenuh tumpuan kepada perniagaan dan menuhuhan Banat Sandwich Enterprise dengan modal yang kami kumpul semasa bermiaga di kampus. Kini, kami menyewa dua buah rumah di sini sebagai kilang pemprosesan sandwic, mempunyai empat pekerja dalam dan tujuh penghantar makanan, semuanya pelajar USIM," ceritanya lagi.

Mengenai nama syarikatnya, Fatin Nurjihan berkata "banat" adalah perkataan bahasa Arab bermaksud anak perempuan bagi mewakili semangat kaum hawa untuk mengecilkan dominasi lelaki dalam industri makanan.

PELBAGAIAN JENIS

SEMENTARA itu, Fatin Wahidah berkata Banat Sandwich kini menawarkan



FATIN Nurjihan (kanan) bersama Fatin Wahidah merupakan pengasas bersama Banat Sandwich Enterprise.

pelbagai jenis sandwic dan antara yang popular ialah *Chicken BBQ*, *Tunalicious*, *Hot Mackerel*, *Eggcellent* dan *Chicken Slice*.

Harga jualan pula pada kadar mampu beli iaitu RM43 hingga RM75 bagi kotak besar (24 keping campuran pelbagai jenis), manakala kotak kecil (empat keping campuran pelbagai jenis) berharga RM8 hingga RM14.

Menurut wanita kelahiran Pulau Pinang itu, pada masa ini Banat Sandwich mampu menjual hingga 1,000 kotak sebulan dan ketika musim perayaan seperti Aidilfitri, jualan meningkat hingga 100 kotak sehari.

Bagi menjamin kualiti, Fatin Wahidah berkata kesemua produk Banat Sandwich menggunakan bahan mentah premium manakala perapan daging dan ayam adalah resipi olahan mereka sendiri.

"Daging yang kita gunakan adalah daging import premium yang dibeli khas daripada pemborong yang kita kenali sejak dahulu, maka kita boleh juga kualiti daging yang kita perlukan. Perlunya kita menjaga hubungan baik dengan pembekal bahan mentah supaya mereka dapat terus membekalkan barang berkualiti tinggi pada harga yang tidak terlalu membebankan, biarpun kebanyakan harga bahan mentah semakin naik akhir-akhir ini."

"Selain perlu terus menjaga kualiti produk menerusi prosedur operasi standard melibatkan pemilihan bahan

mentah dan pembuatan roti sandwic, kita juga perlu berbuat baik kepada pekerja. Di Banat Sandwich, rata-rata pekerja kita adalah pelajar USIM. Kita usaha untuk membantu serta menawarkan peluang kerja yang baik, beramanah dan fleksibel supaya tidak membebankan tugas hakiki mereka sebagai pelajar," jelasnya.

SELARAS ASPIRASI AKM

SEMENTARA itu, Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin berpendangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat dalam perniagaan ketika masih belajar bukan sahaja dapat menggilap kemahiran insaniah mereka tetapi juga meningkatkan kepekaan pelajar terhadap keadaan semasa masyarakat dan industri.

Ini seterusnya menjadikan mereka lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan selepas tamat pengajian, ulasnya.

Oleh itu, kata beliau, dalam memupuk lebih ramai pelajar terlibat dalam perniagaan, usaha kerajaan mewujudkan dan memperkenalkan pelbagai panduan serta inisiatif seharusnya dipuji dan diberi sokongan padu oleh semua pihak terutamanya majikan.

Selain itu, Muhammad Iqmal Hisham berpendapat pelajar yang terlibat dalam perniagaan juga boleh memanfaatkan kelebihan sebagai seorang

pelajar di samping membantu pelajar-pelajar lain selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang mengetengahkan elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

"Dalam hal ini, pelajar yang menjalankan perniagaan di kawasan kampus kebiasaannya akan menjual barang dan perkhidmatan pada kadar mampu milik pelajar.

"Mereka juga kebiasaannya akan mengupah pekerja sambilan dalam kalangan pelajar juga. Ini seterusnya akan memanfaatkan pelajar-pelajar lain dengan kelebihan perniagaan yang dijalankan oleh pelajar sendiri, bertepatan dengan tiga elemen utama yang ingin diserapkan kerajaan menerusi AKM," tambahnya.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang AKM, kerajaan melaksanakan Jelajah AKM sebagai kesinambungan kepada penganjuran 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia.

Diadakan di 14 lokasi di seluruh negara, Jelajah AKM diisi dengan program berbentuk perkhidmatan kepada rakyat bagi memastikan masyarakat di semua peringkat dapat memahami serta menghayati konsepnya yang menitikberatkan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran, dengan lebih jelas.

Selepas berlangsung di Ipoh, Perak pada awal bulan ini, Jelajah AKM dijadualkan 'singgah' di Kota Bharu, Kelantan selama tiga hari dari 14 hingga 16 Julai ini.

- BERNAMA

Masjid Al-Falah Bukit Kalam laksana korban

Sambutan meriah ikut SOP JAWI



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SEBANYAK enam ekor lembu disembelih di Masjid Al-Falah Bukit Kalam Wilayah Persekutuan Labuan bagi melaksanakan ibadah korban pada tahun ini.

Pengerusi Masjid Al-Falah Bukit Kalam, **Rahman Jumat** berkata enam ekor lembu tersebut adalah hasil daripada sumbangan jemaah dan penduduk kampung Bukit Kalam serta sekitarnya yang telah mewakilkan jawatankuasa masjid untuk melaksanakan ibadah korban bagi pihak keluarga mereka.

"Enam ekor lembu yang disembelih adalah hasil daripada penyertaan lebih 30 orang yang terdiri dari kalangan jemaah masjid dan penduduk kampung serta se-



DATUK Bashir (enam kiri) bersama Pengurus Al-Falah Rahman (lima kiri) bersama sebahagian daripada petugas dan jawatankuasa Masjid Al-Falah Bukit Kalam.

kitarnya," katanya ketika ditemui selepas Program Korban di Masjid Al-Falah, Bukit Kalam.

Tambah beliau, daging korban akan diagihkan kepada golongan asnaf dan fakir yang telah dikenalpasti di Kampung Bukit Kalam dan

sekitarnya.

Katanya selepas dua tahun ibadah korban tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik COVID-19, sambutan pada tahun ini agak meriah tetapi masih mengekalkan prosedur operasi



DAGING korban diagihkan kepada penduduk asnaf di Kampung Bukit Kalam.

standard (SOP) seperti yang telah diarahkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Ahli Dewan Negara merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias, turut

hadir menyantuni jawatankuasa dan petugas di Masjid Al-Falah Bukit Kalam.

Dalam pada itu, Rahman turut mengucapkan terima kasih kepada semua petugas yang menjayakan ibadah korban pada tahun ini. **WK**

SM Agama MAIWPL dan komuniti jayakan ibadah korban 2022

SEKOLAH Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA MAIWPL) buat julung kalinya mengadakan Program Korban melibatkan komuniti setempat yang diadakan di sekolah tersebut pada Ahad lalu.

Pengetua SMA MAIWPL Labuan, **Mohd Hasnizan Hasin**, berkata ini merupakan hasil jaringan kerjasama yang erat di antara SMA MAIWPL Labuan bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), warga sekolah dan Alumni SMA MAIWPL Labuan.

Katanya jalinan kerjasama ini turut disertai oleh Kelab Kebajikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (KKM MAIWPL), Jawatankuasa Persatuan Penduduk Kampung Lubok Temiang, Persatuan Anak Muda Labuan (PAMULA), Sukarelawan

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Labuan, An-Nisa Labuan, Kolej Matrikulasi Labuan, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan, Persekutuan Pengakap Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (PPMWPL) dan individu perseorangan setempat.

Beliau yang juga Ketua Pengurusan Program Korban menjelaskan jalinan kerjasama ini dapat mengerakkan lagi jalinan ukhwah kekeluargaan melibatkan warga sekolah dengan masyarakat tempatan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk aktiviti ibadah korban ini.

Program ibadah korban ini dimulai selepas selesai menuai solat Hari Raya Aidiladha di tempat masing-masing.

Sebanyak dua ekor lembu telah disumbangkan oleh Mohd Syafiq Zainol dan Syafiq Yunos melalui



AKTIVITI menimbang dan membungkus daging korban sebelum diagihkan kepada mereka yang layak menerima daging korban.

jaringan kerjasama bersama Gangaruk/Merinding, Jawatankuasa Masjid Nur Iman "Saya mengucapkan teri-

ma kasih kepada masyarakat dan sukarelawan badan pertubuhan bukan kerajaan yang sama-sama menyumbang jasa, tenaga dan idea dalam menjayakan program ini.

"Jalinan kerjasama ini dapat mengerakkan semangat kekeluargaan besar SMA MAIWPL selain daripada jalinan ukhwah dan merupakan rakan strategik yang dibina pada masa akan datang.

"Terima kasih kepada sukarelawan dan belia yang turut sama menggerakkan program berbentuk khidmat masyarakat ini selain dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan ibadah korban," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan, Mohd Dzulfaizal Ab Manan dan Ketua Kampung Lubok Temiang, Awangku Sazali Pangiran Salleh. **WK**



Kempen Derma Darah Persatuan Thalassaemia, 53 beg darah berjaya dikumpul

PERSATUAN Thalassaemia Sabah berjaya mengumpulkan sebanyak 53 beg darah menerusi Kempen Derma Darah yang dianjurkan di peringkat Labuan, baru-baru ini.

Menerusi kenyataannya, kempen itu turut mendapat kerjasama daripada Tabung Darah

SEKITAR Kempen Derma Darah yang dianjurkan di Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Hospital Labuan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Labuan.

Katanya kempen derma darah yang berlangsung selama sehari itu telah berjaya mengumpulkan sebanyak 53 beg darah.

"Dengan hanya selama tiga jam, sebanyak 53 beg darah telah berjaya dikumpulkan.

"Semua beg darah yang berjaya dikumpulkan pada program ini akan diserahkan kepada Tabung

Darah Hospital Labuan," katanya. Menurutnya, pada program itu juga pihaknya turut menyediakan sumbangan beras 5 kilogram (kg) kepada para penderma.

"Atas penghargaan kepada penderma, pihak kami telah menyediakan beberapa saguhati dan beras 5kg," jelas kenyataan itu.

Program itu turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli. **WK**

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



UTC
POSIT TRANSFORMASI BAHRU

TBS
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

alamanda
PUTRAJAYA

7
ELEVEN

alamanda
SHOPPING CENTRE

STesen
SENTRAL
Kuala Lumpur

UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

99 SPEEDMART®

KK!
BUKA 24 JAM



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT
BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE
BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM
RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF
PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Jualan Laksam Bang Songkok cecah RM30,000 sebulan



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

SIAPA sangka dengan hanya menjual laksam ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu akhirnya menjadi sumber pendapatan utama buat peniaga, **Mohd Zaffry Sulaiman**, 42, apabila dia mampu meraih pendapatan mencecah RM30,000 sebulan.

Menurut Mohd Zaffry, dia bersama isterinya, **Afidah Amri**, 43, menyingsing lengan seawal pukul 6 pagi di kedainya yang terletak di Danau Kota, Setapak, Kuala Lumpur untuk menyediakan 150 pek laksam yang dikenali sebagai Laksam Bang Songkok.

Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tidak termasuk tempahan di saat-saat akhir atau 'mengejut' misalnya permintaan untuk jamuan makan, majlis hari jadi atau ada yang ingin melakukan infaq di masjid dan surau.

"Biasanya kami akan sarankan kepada pelanggan untuk membuat tempahan sehari lebih awal agar kami tidak terburu-buru. Biasanya jika terlalu banyak tempahan hingga tak cukup tangan maka kami akan bawa kepada keesokan harinya," ujarnya ketika ditemui *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, Mohd Zaffry berkata selain menerima tempahan dari pejabat kerajaan atau individu perseorangan, dia juga mendapat bantuan dan sokongan daripada tiga agen dan lapan orang stokis dibawahnya yang turut membantu jualan di sekitar Setapak, Kuala Lumpur.

"Alhamdulillah, berkat doa dan usaha, stokis yang bernaung di bawah kami berada di kawasan Danau Kota, Sri Rampai dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin. Tanpa mereka mungkin kami sukar mencari ramai pelanggan.

"Kewujudan mereka secara tidak langsung telah menambah pelanggan Laksam Bang Songkok, walaupun ia tidaklah terkenal seperti produk jenama lain tetapi saya bersyukur kerana permintaan laksam semakin meningkat sehingga mampu meraih keuntungan sebanyak RM800 hingga RM1,000 sehari," jelasnya.

Tambahnya, setiap pagi agen akan mengambil laksam yang telah dipek di kedainya untuk dijual atau dihantar kepada pelanggan yang telah membuat tempahan.

Berkongsi idea sebelum tercetusnya perniagaan Laksam Bang Songkok, Mohd Zaffry berkata dia mahu memperkenalkan makanan dari Pantai Timur tersebut untuk dijadikan sarapan pagi selain muh menjana pendapatan ketika PKP.

"Saya mula bermula pada tahun 2017 selepas berhenti kerja bank pada akhir 2016 tetapi ketika itu saya meniaga char kuey teow dan makanan barat. Apabila PKP, kami sebagai peniaga tidak dapat melakukan jualan secara langsung di kedai jadi saya dan isteri bercadang untuk menjual satu makanan yang susah dicari di Kuala Lumpur. Di situah saya mengambil



MOHD ZAFFRY

keputusan untuk menjual Laksam Bang Songkok secara atas talian," kongsinya lagi.

Turut mengakui keistimewaan laksam yang dihasilkan, dia berkata mereka mementingkan kuantiti, rasa dan kualiti laksam tersebut.

"Laksam ini satu makanan yang sangat susah untuk dibuat sebab rasanya berbeza-beza di setiap negeri dan semestinya tiga faktor tersebut akan membuatkan pelanggan datang kembali untuk mendapatkannya," katanya yang pernah berkerja di kedai makan sebelum ini.

Ditanya tentang gelaran 'Bang Songkok' pula, ia diperoleh

dari pelanggan yang gemar memanggilnya dengan panggilan tersebut kerana dia suka memakainya sewaktu bermula dan gelaran itulah yang membuatkan dia semakin dikenali dalam bidang perniagaan selama 10 tahun.

HARGA MURAH

DALAM keadaan ekonomi yang tidak menentu, Mohd Zaffry amat memahami keadaan masyarakat yang terjejas pendapatan. Justeru itu, dia terpaksa menaikkan harga hidangan pek keluarga daripada RM30 kepada RM35 sebekas manakala harga untuk sebekas masih kekal RM6.

"Makanan yang kita jual tidak

melibatkan kos yang begitu tinggi walau bagaimanapun kami terpaksa juga menaikkan sedikit harga memandangkan kos bekas makanan dan plastik yang digunakan meningkat.

"Meskipun harga laksam sudah naik sedikit tetapi rata-rata pelanggan masih mengatakan harga laksam kami sangat murah seperti harga di pasar malam dan tidak setanding dengan kualiti dan kuantiti yang banyak," katanya.

Dalam masa yang sama, dia juga berharap agar perniagaan yang diusahakan untuk menyara kehidupannya sekeluarga ini dapat diperluaskan lagi sehingga mampu membuka restoran di seluruh negara. **WK**



CHAR NOODLES

- Char Koay Teow Biasa (Bacon/Kering)
- Char Mee Special A (Telur Mata)
- Char Mee Hoon Special B (Extra Udang + Telur Mata)
- Char Spaghetti Super Special #Kewabik (Udang Galah+Kerang+Telur Mata)

Special Made Menu :
LAKSAM / BUBUR AYAM PANGGANG

WESTERN

- Chicken Chop (Grilled/Fried)
- Kid Set
- Lamb Chop
- Meatball
- Burger #Kewabik
- Combo Set (Chicken Chop/Lamb Chop)
- Side Order (Fries/Nugget/Wedge/Cocktail)

IKAN BAKAR

- Sia Kap
- Kembung
- Pari
- Talapia
- Sotong
- Lala
- Kerang
- Udang Galah
- (Bakar/Portugese/Petai)

DESSERT

- Ice Blended
- Milk Shake
- ABC
- Cendol
- Soya Bean
- Laici Kang

Bang Songkok
Char Noodles • Western • Dessert

Char Noodles • Western • Dessert

Special Made Menu :
LAKSAM / BUBUR AYAM PANGGANG

CHAR NOODLES

- Char Koay Teow Biasa (Bacon/Kering)
- Char Mee Special A (Telur Mata)
- Char Mee Hoon Special B (Extra Udang + Telur Mata)
- Char Spaghetti Super Special #Kewabik (Udang Galah+Kerang+Telur Mata)

Special Made Menu :
LAKSAM / BUBUR AYAM PANGGANG

WESTERN

- Chicken Chop (Grilled/Fried)
- Kid Set
- Lamb Chop
- Meatball
- Burger #Kewabik
- Combo Set (Chicken Chop/Lamb Chop)
- Side Order (Fries/Nugget/Wedge/Cocktail)

IKAN BAKAR

- Sia Kap
- Kembung
- Pari
- Talapia
- Sotong
- Lala
- Kerang
- Udang Galah
- (Bakar/Portugese/Petai)

DESSERT

- Ice Blended
- Milk Shake
- ABC
- Cendol
- Soya Bean
- Laici Kang

+6011 2726 1965 | Facebook: Bang Songkok | Instagram: @bangsongkok



Peruntukan RM30.5 juta untuk penambahbaikan PICC



DIANA AMIR

SEJUMLAH RM30.5 juta telah diperuntukkan bagi menambah baik Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dalam memastikan kelangsungannya sebagai lokasi persidangan unggul di Putrajaya dan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Convention & Exhibition Putrajaya Sdn Bhd, **Mahmad Anuar Othman** berkata peruntukan tersebut merupakan inisiatif daripada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

“Beberapa penambahbaikan sedang dilakukan antaranya pertukaran kanvas dinding sekatan (*partition wall*), pemberian sistem



MAHMAD ANUAR

pendingin hawa dan lampu, dekorasi dewan, lif, eskalator serta pertukaran karpet. Di dapur utama juga kita akan lakukan penambahbaikan dan ketika ini semuanya masih dalam proses pengubahsuaian.

“Pengubahsuaian ini bermula pada tahun 2021 yang lalu dan dijangka siap pada 1 September ini. Tak dapat dinafikan ia sedikit lewat memandangkan kita menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

pada tahun lalu,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Tambahnya meskipun PICC kini masih dalam proses pengubahsuaian namun usaha mempromosikan tempat tersebut tidak terhenti dan masih berjalan meskipun dalam skala yang kecil.

“Kita masih mempromosi PICC dalam skala yang kecil dengan beberapa pakej yang ditawarkan mengikut kesesuaian memandangkan ketika ini hanya



LOBI utama antara ruang yang tampil lebih segar selepas proses pengubahsuaian.

ada dewan kecil sahaja dan ia agak terhad.

“Antara pakej yang ditawarkan adalah mesyuarat, persidangan dan juga majlis-majlis kecil yang mampu memuatkan 100 sehingga 150 orang sahaja,” kongsinya PICC juga

turut berhadapan pelbagai cabaran terutama ketika pandemik melanda sejak dua tahun lalu.

Berkongsi berkenaan cabaran dalam menguruskan dan menjaga PICC, Anuar berkata pihaknya perlu bijak dalam menguruskan

kewangan memandangkan sumber pendapatan mereka turut terjejas.

“Ketika pandemik banyak majlis yang tidak boleh dilakukan terutama di tempat tertutup jadi tiada sebarang tempahan dewan diterima sekali gus sumber pendapatan kita terjejas.

“Kita juga kawal dari segi perbelanjaan seperti pemasaran di mana kita hanya fokus promosi melalui media sosial sahaja.

“Dari segi utiliti juga kita akan tutup kawasan yang tidak digunakan dan sekiranya terdapat sebarang penganjuran majlis hanya sebahagian kawasan sahaja akan digunakan,” jelasnya penambahbaikan juga akan dilakukan di bahagian luar PICC dengan kerjasama PPj yang akan membantu dari segi landskap.

Anuar turut berharap agar pengubahsuaian PICC ini dapat memberi nafas baharu terhadap infrastruktur pembangunannya yang lebih mampan sekali gus meningkatkan industri pelancongan di Putrajaya. **W.K**



PRESIDEN PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud (barisan tengah, enam dari kanan) turut serta dalam misi baru-baru ini.

PPj turun padang bantu mangsa banjir di Baling

MISI. Kejadian banjir yang turut mengorbankan nyawa di Baling, Kedah baru-baru ini mengejutkan banyak pihak sehingga ramai sukarelawan turun bagi membantu serta meringankan beban mangsa.

Tidak terkecuali Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya termasuk Perbadanan Putrajaya (PPj) turut menyertai misi bantuan atas inisiatif Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada 7 Julai hingga 9 Julai lalu.

Seramai 40 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai jabatan menyumbang tenaga melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan rumah penduduk di Mukim Kupang, Baling Kedah melibatkan Kampung Iboi dan Kampung Sadik.

Terdahulu, misi bantuan turut dilengkapi pelbagai jentera antaranya 13 set *water jet*, *water pump*, 11 kereta pacuan empat roda dan 20 set kelengkapan pembersihan lain.



PRESIDEN PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud meninjau persiapan menyediakan juadah baru-baru ini.

1,000 warga PPj berkumpul raikan ibadah korban

MAJLIS Ibadah Qurban KRISputra 2022 yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) baru-baru ini merupakan program korban terbesar dalam kalangan warga PPj yang menghimpunkan 1,000 warga kerja dari seluruh jabatan.

Menurut Pengerusi Biro Agama Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan Perbadanan Putrajaya (KRISputra), **Ahmad Tarmizi Abdullah** matlamat program tersebut adalah melaksanakan ibadah korban selain merapatkan ukhuwah.

“Sebelum ini ia hanya diadakan secara kecil-kecilan namun memandangkan sudah dua tahun ibadah korban tidak dapat dilakukan

maka pengajuran kali ini diadakan lebih meriah lagi,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, majlis tersebut juga menjadi salah satu platform bagi mengumpulkan seluruh warga kerja sekali gus menjalankan hajat dalam kalangan ahli kita yang ingin melakukan ibadah korban.

Paling menarik, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turut menyumbangkan seekor lembu.

“Alhamdulillah sejumlah empat ekor lembu telah dikorbangkan yang melibatkan seramai 12 peserta,” jelasnya penyembelihan dilakukan mengikut prosedur operasi standard

(SOP) yang telah ditetapkan.

Program penyembelihan bermula seawal 7 pagi diketuai olehnya dan seorang ustaz jemputan dan kemudian ia diteruskan dengan aktiviti memasak.

“Antara menu utama seperti sup, daging goreng kunyit, gulai kawah dan paru goreng sambal. Bagi edaran daging pula, sebahagian kecil dimasak untuk dijadikan juadah kepada sukarelawan bertugas dan selebihnya diberikan kepada asnaf di PPj seperti pengawal keselamatan, tukang cuci dan kakitangan rendah,” katanya.

Terdahulu, program tersebut turut dibantu oleh Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).



SABRINA SABRE

BIARPUN baru berusia 24 tahun namun atlet Wilayah Persekutuan, **Mulhim Muqri** **F a i s a l** berazam m a h u m e n c i p t a kejayaan unggul dalam arena futsal antarabangsa.

Dia yang merupakan atlet sepuh masa mengakui tidak sabar untuk menyertai sebarang kejohanan yang bakal berlangsung.

“Selepas ini, lebih banyak lagi kejohanan yang saya akan serta sekali gus dapat mengukur pencapaian diri dalam sukan ini selain menjadi medan untuk memperbaiki prestasi.

“Selain itu, diharap-



**ATLET
WILAYAH**

kan juga skuad berpeluang ke luar negara untuk kejohanan yang lebih besar. Melalui itu juga, kami dapat mencari pengalaman bermain serta melihat strategi atlet luar,” katanya kepada *Wilayahku*.

Tambah Mulhim Muqri, dia banyak berbincang tentang konsep taktikal dan teknikal bersama rakan sepasukan sebelum berdepan dengan pihak lawan.

“Biasanya kami akan menghabiskan masa dengan sesi perbincangan selain menjalani latihan dengan lebih konsisten menjelang perlawanan,” ujarnya yang mengakui semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan rakan sepasukan amatlah penting.

Berkongsi tentang cabaran yang dihadapi dalam sukan futsal, dia berkata persaingan dengan pemain-pemain yang lebih bagus dan berpengalaman menjadi cabaran utama buat dirinya.

“Bukan itu sahaja, jika dilihat hari ini, ramai pemain muda menunjukkan prestasi bagus dari

hari ke hari. Sungguhpun begitu, secara tidak langsung ia mengingatkan saya untuk tidak cepat berasa selesa pada kedudukan sekarang.

“Walau apapun setakat ini, masa hadapan dunia futsal cerah dan sudah semestinya saya akan memberikan yang terbaik untuk kekal relevan. Saya turut mengimpikan peluang untuk beraksi bersama kelab futsal luar negara suatu hari nanti,” ujarnya yang menjadikan pemain kelab Portugis, Ricardinho sebagai idola kerana kekuatan pemain antarabangsa tersebut yang lincah dan mempunyai tendangan padu.

Di samping itu, anak kelahiran Selayang, Selangor ini berkata dia bersyukur kerana keluarga tidak pernah menghalang malah sentiasa memberi semangat kepadanya.

“Alhamdulillah, jiwa saya memang sejak kecil lagi meminati sukan ini dan saya dapat merasakan masa hadapan saya cerah untuk terus berada dalam sukan futsal ini,” ujar anak ketiga daripada lapan orang adik-beradik ini. **WK**

Pencapaian Mulhim Muqri

2021/2022 - Liga Premier Futsal Malaysia
- Selangor Tot United

2019/2020 - Liga Premier Futsal Malaysia
- Kuala Lumpur FA

2018 - Liga Futsal Politeknik Malaysia - Juara

2018 - SUKMA Perak - Juara

2018 - Liga Futsal Kebangsaan - KL City

2017 - Kejohanan AFC (U20)
- Tim Kebangsaan

2017 - Liga Futsal Politeknik Malaysia - Juara

2017 - Piala Rafhely Spec VII
- Ketiga

2015 - Grandfinal Liga Futsal Politeknik Malaysia - Juara

Perjuangan bola sepak dalam Anak Rimau pupuk semangat masyarakat

TERDAPAT lambakan filem berorientasikan sukan bola sepak di pasaran antaranya Gila Bola, Eye On The Ball, Rembat, Jejak Warriors, Estet, Bola Kampung (animasi), Gol & Gincu, Ola Bola dan banyak lagi.

Terbaru, demi meneruskan semangat bola sepak dalam kalangan masyarakat, Keeklr Films Sdn Bhd bakal mempertontonkan filem Anak Rimau yang menelan kos kira-kira RM5.5 juta, pada 1 September depan.

Menurut penerbitnya, **Fadzil Manap** kos untuk filem arahan Areef Abu Bakar itu melonjak walaupun tidak menggunakan computer-generated imagery (CGI), antara sebabnya adalah penggunaan ramai pelakon tambahan.

Beliau ditemui pada majlis soft-launch filem Anak Rimau serta pelancaran koleksi rasmi, lagu tema (runut buni) dan muzik video filem yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia & Sukan, Senator Datuk Seri Ti Lian Ker di premis Al-Ikhsan Sports, The Curve, baru-baru ini.

“Filem ini sepatutnya tayang pada 2020 tapi disebabkan COVID-19, tangguh dulu. Kita dapat wajib tayang pada awal tahun (2022) ini, tapi sebab ada beberapa keadaan teknikal, kita undur diri.

“Kemudian, katanya nak tayang Julai (2022) tapi bila kita tengok tarikh yang sesuai adalah September. Lagipun tahun ini ada World Cup, jadi September adalah tarikh yang dilihat bertepatan untuk Anak Rimau yang berkisarkan bola sepak itu.

“Filem Anak Rimau adalah



Ti Lian Ker (belakang tengah) bersama sebahagian pelakon Anak Rimau sejurus Majlis Pelancaran di Al-Ikhsan Sports, The Curve, baru-baru ini.

sebuah filem yang penuh dengan drama, adegan lucu, inspirasi dan srat dengan mesej yang kami harap mampu memberi impak yang positif kepada penonton tentang pentingnya semangat berpasukan dan pentingnya dorongan keluarga dalam mencapai cita-cita.

“Unsur perpaduan dan nasionalisme yang dimuatkan dalam filem ini sesuai dengan tarikh tayangan 1 September 2022, sesuai dengan suasana ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-65 tahun” katanya yang mendapat idea menghasilkan filem Anak Rimau pada April 2018.

Anak Rimau dibintangi Beto Kusyairy, Idan Aedan, Kechikimi, Azhan Rani, Adam Corrie, Taiyuddin Bakar, Megat Sharizal, Mustaqim Bahadon dan ramai lagi.

Ujarnya, filem ini tak akan berhasil tanpa sokongan Al-Ikhsan Sports Malaysia yang menaja pelbagai kelengkapan dan pakaian

sukan untuk filem ini. Rekaan dan kualiti barang keluaran Al-Ikhsan adalah yang terbaik.

Selain itu, katanya, mereka juga mengadakan kerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) yang telah banyak memudahkan urusan.

“Pada saya kehadiran Beto, Azhan atau Corrie sudah cukup kuat untuk filem ini, biarpun mereka bukan pelakon komersial.

“Saya dah kenal Beto dari awal dia mula berlakon. Saya lebih senang memilih pelakon yang kita tahu mutu lakonannya hebat berbanding wajah komersial. Tengok daripada barisan pelakon yang dipilih semuanya ada kelebihan tersendiri.

“Anak-anak muda dalam filem ini bukan pelakon tapi mereka pemain bola yang bagus dan pelapis masa depan. Bila penonton melihat filem ini mungkin boleh memberi inspirasi kepada mereka dan ibu bapa.

“Ada mesej yang diselitkan da-

lam filem tu dan bila menonton kita boleh faham. Filem ini tidak ada kena mengena dengan biografi mana-mana pemain bola,” jelasnya.

Lagu tema Anak Rimau boleh diikuti dalam platform penstriman muzik utama termasuk Amazon, Anghami, AWA, Boomplay, Deezer,

Facebook, Flo, iHeartRadio, iMusica, iTunes/Apple Music, Jiosaavn, JOOX, KKBOX, Mixcloud, MusicTime, NetEase, Nuuday, Pandora, Peloton, Resso, Rhapsody/Napster, Shazam, Snap, Soundcloud, Spotify, Tencent, Tidal, TikTok, Triller dan YouTube Music, sejak 7 Julai 2022 lalu. **WK**

**KELAS BELADIRI
SILAT**

EKSKLUSIF BERSAMA CIKGU AKMAL RAZAK

KANAK-KANAK & DEWASA

Confidence
Self-esteem
Fitness
Discipline
Social Skills
Friendship
Motivation
Respect

SHALL WE GO ON?

CONTACT US

017 6178979

Muqri
yakin masa
depan
cerah
►23

Jualan hidangan RM3.50 di IPT ringankan beban siswa

BEBERAPA Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan mula memperkenalkan menu khas makanan berkualiti dengan harga rendah untuk membantu meringankan beban kos sara hidup mahasiswa khususnya golongan B40.

Antara IPT awam setakat ini yang sedang melaksanakan inisiatif berkenaan ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, **Nuruliman Ibrahim** berkata pihaknya melaksanakan jualan makanan serendah RM3.50 kepada kesemua warga UPM di bawah inisiatif Menu Kasih Pelajar Keluarga Malaysia sejak 8 Julai lepas.

"Sebelum ini makanan yang dijual adalah sekitar RM7 sehingga RM8. Namun, dengan pelaksanaan usaha ini, semua penuntut serta warga kerja UPM mampu membeli makanan serendah RM3.50. Ini membolehkan mereka mendapatkan hidangan lengkap dan bernutrisi dengan harga berpatutan," katanya.



Bernama melaporkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad mengumumkan menu makanan berkualiti dengan harga siling RM3.50

bagi setiap hidangan akan diperkenalkan menerusi inisiatif Food Basket Siswa Keluarga Malaysia, pada 4 Julai lepas.

Sementara itu, mahasiswa

semester akhir jurusan Sarjana Muda Pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling UPM, Ahmad Khairul Amir Kamaluddin, 24, berkata inisiatif itu memang baik kerana ia dapat meringankan beban kos harian mahasiswa.

Ahmad Khairul yang kini menjalani latihan industri sebagai guru kaunseling dan perniagaan di Putrajaya berharap pemantauan berkala di gerai-gerai peniaga terbabit dapat dilaksanakan pihak universiti agar kualiti serta kuantiti makanan sentiasa pada tahap terbaik.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Eliezer Neval Anthony berkata program sedemikian dilihat memban-

tu penuntut di UMS yang hampir 60 peratus terdiri daripada golongan B40.

"Program sebegini amat baik dilakukan oleh pihak universiti bagi menjaga kebijakan penuntut yang kurang berkemampuan. Harga RM3.50 yang dilaksanakan dengan beberapa pilihan menu adalah mencukupi untuk keperluan makanan harian penuntut di sini dan mereka berpuas hati," katanya. WK

35 kampus UiTM tawar Food Basket siswa Keluarga Malaysia

KESEMUA 35 kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) menawarkan menu makanan kepada pelajar serendah RM3.50 sejak 8 Julai lepas, bawah pelaksanaan inisiatif Food Basket Siswa Keluarga Malaysia bagi meringankan kos perbelanjaan penuntut universiti.

Naib Canselor UiTM, **Profesor Dr Roziah Mohd Janor** berkata universiti itu mempunyai lebih 400 penggerai di seluruh kampusnya dan hampir kesemua mereka menyatakan kesanggupan untuk menyediakan menu khas berharga RM3.50, manakala pilihan menu lain masih boleh ditawarkan.

"Jadi untuk menu lain kita akankekalkan iaitu bagi mereka yang ada duit lebih boleh beli, itu yang ditetapkan dan setiap gerai kita cadangkan untuk disediakan menu daripada inisiatif Food Basket Siswa Keluarga Malaysia ini," katanya diptik Bernama.

Roziah berkata pada Jumaat lepas, beliau melihat masih ada penggerai yang menawarkan menu berharga RM6, namun pihaknya akan terus memantau supaya menu RM3.50 ditawarkan dengan 14 pilihan makanan berkhasiat dan berkualiti.

"Bila ditanya pelajar mereka nyatakan harga itu (RM6) tidaklah mahal, jadi saya rasa kemungkinan kerana yuran pengajian UiTM murah berbanding universiti lain," katanya.

Pada 4 Julai, Menteri Pengajian Tinggi, Noraini Ahmad mengumumkan menu makanan berkualiti dengan harga siling RM3.50 bagi setiap hidangan akan diperkenalkan menerusi inisiatif Food Basket Siswa Keluarga Malaysia. WK



ROZIAH

Poligami tidak mudah, Ashraf akui perlu kuat mental

DEEL ANJER

PELAKON popular **Ashraf Muslim** mengakui bukan mudah melalui hidup berpoligami, lebih-lebih lagi di awal perkahwinan.

Ashraf turut menitip pesan kepada mereka yang hidup berpoligami agar bersabar dengan segala ujian dan tidak menyebarkan aib sebagai suami isteri.

"Susah. Hidup berpoligami ni kena tenang, sabar. Buat keputusan betul-betul. Kalau tidak tenang, tak sabar akan buat keputusan yang tak betul."

"Bagi saya benda-benda fasal keluarga, simpan untuk kita sahajalah. Kalau kita asyik

nak beritahu pada orang, kadang-kadang kita buka aib kita. Kita terlupa tu."

"Jadi senang cerita, kebahagiaan diri kita, kesusaahan dalam keluarga kita, apa sahaja hubungan kaum keluarga kita, tak payah beritahu orang lain."

"Biarlah kita simpan, selesaikan masalah kita. Sebab takut nanti ada masalah lain pula timbul yang kita tak tahu," katanya lagi.

Dalam masa yang sama, Ashraf juga menasihatkan agar individu atau netizen berpada-pada dalam menegur mereka yang sedang mempunyai masalah rumah tangga.

"Kita kena sentiasa fikir positif sebab saya sendiri pernah alami

situasi ini (dugaan berpoligami). Senang cerita, doa yang terbaik. Kalau nak menegur, tegur dengan cara berhemah jangan sampai menyakitkan hati."

"Supaya mereka yang terlibat berfikir ada lagi orang yang sayangkan mereka, boleh buat keputusan yang baik," katanya.

Pelakon filem Musyrik yang akan ditayangkan bermula 7 Julai 2022 ini sedang menjalani kehidupan bahagia bersama dua isteri, Dr Noor Dayana Lokman dan Wan Sakinah Ahmah Saburi.

Tentang kerjaya, Ashraf membawa watak sebagai Ustaz Aqasha dalam Musyrik dan turut menampilkan Aeril Zafrel, Ruhainies, Aishah Ilias dan ramai lagi. WK



ASHRAF bersama Wan Sakinah (kanan) dan Noor Dayana (kiri) serta anak-anak mereka.